

PEMBANGUNAN MODAL INSAN PENJANA WAWASAN 2020

PENGENALAN

Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan terhadap usaha membangunkan Modal Insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi hadapan. Generasi hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam usaha Kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah Negara Bangsa yang Maju, Cemerlang, Gemilang dan Terbilang menjelang WAWASAN 2020.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, negara sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Petikan: Buku Rasmi Tahunan Malaysia 2006 oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

TERAS DASAR PMI



* Melaksanakan **penambahbaikan** terhadap **sistem penyampaian pendidikan dan latihan supaya ianya berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa;**

* Memperkasakan **sekolah kebangsaan** sebagai **sekolah pilihan utama** rakyat Malaysia yang berbilang kaum bagi meningkatkan perpaduan negara

* Melaksana langkah bagi **merapatkan jurang prestasi antara sekolah luar bandar dan bandar**, termasuk mempertingkatkan kualiti pengajaran, prasarana dan kemudahan serta menempatkan **guru berpengalaman** di sekolah **luar bandar;**

* Membangunkan **universiti bertaraf antarabangsa** dan memastikan **pendidikan dan latihan** di peringkat tertiar **memenuhi keperluan pasaran;**

* Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan latihan dan **pembelajaran sepanjang hayat** yang berkualiti di semua peringkat;

* Membangunkan **masyarakat inovatif** dan kreatif, yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh serta memiliki **kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan;**

* Memperkukuhkan **perpaduan nasional** dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, budaya prestasi tinggi, sistem nilai-nilai murni serta **menghargai tradisi dan warisan;** dan

* Memperluaskan dan memperkemaskan **forum perbincangan** dan perundingan antara **kerajaan, sektor swasta, ibu bapa** dan **masyarakat** dalam pembangunan modal insan.

PEMANGKIN UTAMA

Pembangunan Modal Insan yang diilhamkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah ditekankan di dalam sumber-sumber berikut :

Bajet 2008

Pembangunan Modal Insan juga telah ditekankan dalam ucapan Bajet 2008, seperti mana Bajet 2007 dan 2006

Untuk membaca pembentangan tersebut, sila pilih melalui pilihan di bawah.

Bahasa Melayu ([html](#))

English ([html](#))

Bajet 2007

Pembangunan Modal Insan terus ditekankan di dalam Bajet 2007

Untuk membaca pembentangan tersebut, sila pilih melalui pilihan di bawah

Bahasa Melayu ([html](#))

English ([html](#))

Rancangan Malaysia Ke- 9

1. Ucapan Pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 :

["MEMBINA TAMADUN MENJULANG MARTABAT NEGARA"](#)

(Sila klik pautan diatas untuk membaca ucapan tersebut)

2. Dokumen Rancangan Malaysia ke-9

[Rancangan Malaysia Ke Sembilan \(2006 - 2010\)](#)

(Sila klik pautan diatas untuk membaca dokumen RMK-9)

Bajet 2006

Modal insan adalah salah satu strategi utama yang dibentangkan di dalam pembentangan Bajet 2006

Untuk membaca pembentangan tersebut, sila pilih melalui pilihan di bawah.

Bahasa Melayu ([html](#)) ([pdf](#))

English ([html](#)) ([pdf](#))

Sidang Kemuncak Pendidikan 2004

Pembangunan Modal Insan telah juga ditekankan pada Sidang Kemuncak Pendidikan 2004. YAB Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan bertajuk :

["REVITALISING EDUCATION: EQUIPPING MALAYSIA FOR THE REALITIES OF THE 21ST CENTURY"](#)

Terjemahan Bahasa Melayu :

["PENYUBURAN SEMULA PENDIDIKAN: MENYEDIAKAN MALAYSIA BAGI MENGHADAPI REALITI ABAD KE-21"](#)

**DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Tempat/Venue:**HOTEL
SUNWAY
LAGOON
RESORT,
KUALA
LUMPUR**

Tarikh/Date. **:27/04/2004**

Tajuk/Title **:(TERJEMAHAN)
UCAPAN YAB
DATO' SERI
ABDULLAH
HAJI AHMAD
BADAWI
PERDANA
MENTERI
MALAYSIA DI
SIDANG
KEMUNCAK
PENDIDIKAN
2004 (27-04-
2004)**

**UCAPAN YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
PERDANA MENTERI MALAYSIA DI SIDANG KEMUNCAK PENDIDIKAN 2004
HOTEL SUNWAY LAGOON RESORT, 27 APRIL 2004 JAM 10.00 PAGI**

**"PENYUBURAN SEMULA PENDIDIKAN: MENYEDIAKAN MALAYSIA BAGI
MENGHADAPI REALITI ABAD KE-21**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB DATO' HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI PELAJARAN

YB DATO' DR. SHAFIE HJ MOHD SALLEH
MENTERI PENGAJIAN TINGGI

DIF-DIF JEMPUTAN

SAUDARA-SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAN DAN KURNIANYA, DAPAT KITA BERTEMUAN MINDA YANG PENTING INI. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN SAYA KEPADA PIHAK A.S.L.I., SELAKU PENGANJUR MAJLIS, KERANA TELAH BERUSAHA MENGATUR SATU PROGRAM YANG BEGITU MENARIK DAN CUKUP BERMAKNA . SESUNGGUHNYA, ISU PENDIDIKAN AMAT PENTING BAGI KEJAYAAN NEGARA DI MASA HADAPAN, SAMA ADA DARI SEGI PEMBANGUNAN EKONOMI MAHUPUN DARI SEGI PERPADUAN DAN KEHARMONIAN RAKYAT.

SAUDARA DAN SAUDARI,

2. KITA BERHIMPUN HARI INI UNTUK BERBINCANG, BERDEBAT DAN MENYARANKAN LANGKAH-LANGKAH MENINGKATKAN PERKARA YANG SEMEMANGNYA DEKAT DENGAN HATI SEMUA RAKYAT MALAYSIA: PENDIDIKAN. DI KALANGAN KITA YANG MEMPUNYAI ANAK, PENDIDIKAN MELAMBANGKAN SESUATU YANG DAPAT MEMBINA PENGETAHUAN MEREKA, SIKAP DAN POTENSI UNTUK BERJAYA DALAM KEHIDUPAN. KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA, PENDIDIKAN MENCERMINKAN SESUATU PENENTUAN KEPADA KEDUDUKAN NEGARA YANG LEBIH TINGGI DAN KESEJAHTERAANNYA.

3. JUSTERU, APABILA KITA BERTANYA PADA DIRI KITA SENDIRI MENGENAI SISTEM PENDIDIKAN YANG KITA INGINKAN, KITA SEBENARNYA MEMPERSOALKAN APA YANG KITA INGINKAN DARIPADA GENERASI MUDA KITA APA YANG KITA MAHUKAN UNTUK NEGARA KITA. SECARA RINGKAS, APABILA KITA BERFIKIR MENGENAI PENDIDIKAN, KITA SEMEMANGNYA MENARUH HARAPAN UNTUK MASA DEPAN. DI DALAM ERA ABAD KE-21, MASA DEPAN DILIHAT SEBAGAI SESUATU YANG PANTAS BERUBAH DAN PENUH DENGAN PERSAINGAN. MASA DEPAN SEOLAH-OLAH TERLALU HAMPPIR, MALAH KIAN MENDEKATI KITA BIARPUN KETIKA BERBINCANG MENGENAINYA. KITA TAHU, INILAH MASANYA BAGI EKONOMI PENGETAHUAN, SATU WAKTU DI MANA DUNIA MENJADI SEMAKIN KECIL DAN LEBIH BERKAIT, SATU ZAMAN YANG PENUH DENGAN CABARAN DAN TRANSFORMASI.

4. SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG BERSAING PADA ABAD KE-21, KITA MERASAI TEKANAN DAN PERMINTAAN ABAD INI LEBIH DARIPADA ORANG LAIN. KETIKA NEGARA-NEGARA LAIN MENGEJAR ATAU MEMOTONG KITA DI DALAM RANGKAIAN TAMBAH NILAI GLOBAL (GLOBAL VALUE CHAIN) KITA AKUI AKAN KEPERLUAN SEGERA UNTUK MELAKUKAN ANJAKAN BESAR MENUJU KE PERINGKAT PEMBANGUNAN SETERUSNYA . ANJAKAN INI TIDAK AKAN TERCAPAI HANYA DENGAN MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR ATAU MELALUI SUMBER TENAGA MURAH. ANJAKAN INI MEMERLUKAN SATU PENINGKATAN KUKUH DALAM KESANGGUPAN KITA UNTUK TAMBAH NILAI DAN INOVASI. ANJAKAN INI JUGA MEMERLUKAN PERKEMBANGAN DARI SEGI KEUPAYAAN DAN INTELEK MANUSIA.

5. SEPANJANG 47 TAHUN SEBAGAI NEGARA MERDEKA, PEMBANGUNAN MODAL MANUSIA TERTUMPU KEPADA PENYEDIAAN SALURAN KEPADA PENDIDIKAN. BAGI PERKARA INI, NEGARA KITA TELAH MELAKSANAKANNYA DENGAN BAIK. PENDIDIKAN TERUS MENERIMA PERUNTUKAN BAJET TERTINGGI, KIRA-KIRA 20-25% PERBELANJAAN KERAJAAN, DAN 10,000 KELAS DIBINA DALAM SETIAP RANCANGAN MALAYSIA. INI MENYUMBANG KEPADA KADAR PENDAFTARAN YANG AGAK TINGGI, IAITU HAMPPIR 100% PENDAFTARAN BAGI SEKOLAH RENDAH, LEBIH 80% PENDAFTARAN SEKOLAH MENENGAH DAN KIRA-KIRA 24% PENDAFTARAN PERINGKAT TINGGI. JUMLAH MEREKA YANG MENGHABISKAN PENDIDIKAN MENENGAH JUGA MENINGKAT DARIPADA 65% PADA 1988 KEPADA 80% PADA 2000.

6. PASTINYA, BANYAK LAGI YANG PERLU DIBUAT UNTUK MENYEDIAKAN SALURAN PENDIDIKAN. SEBAGAI CONTOH, TERDAPAT KEPERLUAN UNTUK TERUS MENYEDIAKAN SEKOLAH DI KAWASAN LUAR BANDAR DAN MEMASTIKAN SEMUA SEKOLAH DILENGKAPI DENGAN KEMUDAHAN AIR, ELEKTRIK DAN KOMPUTER. BAGAIMANAPUN, CABARAN BESAR KITA BUKAN SAHAJA TERLETAK KEPADA USAHA MENINGKATKAN PELUANG PENDIDIKAN TETAPI KUALITI SISTEM PENDIDIKAN KITA.

7. MEMBANGUNKAN SISTEM PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA MERUPAKAN AGENDA UTAMA KERAJAAN SAYA. SALAH SATU PETANDA KELEMAHAN KITA ADALAH JUMLAH TINGGI BAGI SISWAZAH MENGGANGUR. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA KIRA-KIRA 20% GRADUAN MENGGANGUR. SETIAP MINGGU, KITA

MELIHAT RENCANA DALAM AKHBAR-AKHBAR MENJELASKAN KEPADA KITA MENGAPA PASARAN PEKERJAAN TIDAK MAHU MENGAMBIL MEREKA: ANTARA LAIN, KURANG KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI, KURANG KEMAMPUAN BERFIKIR, KURANG BERTENAGA DAN INISIATIF.

8. ANGGAPAN KELEMAHAN YANG WUJUD DI KALANGAN PARA GRADUAN KITA INI DISOKONG DENGAN REPUTASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI KITA. DALAM UKUR RUJUK ASIAWEEK 2000 BAGI KAJIAN UNIVERSITI DI ASIA, UNIVERSITI BERKEDUDUKAN TINGGI MALAYSIA HANYA BERADA DI TAHAP KE-47 DARIPADA 77 UNIVERSITI DALAM KAJIAN BERKENAAN. BUKAN "TOP 10", BUKAN JUGA "TOP 20", MALAH TIDAK TERLETAK PADA SEPARUH TERATAS. SECARA PERBANDINGAN, "TOP 10" KAJIAN BERKENAAN MERANGKUMI UNIVERSITI DARIPADA JEPUN, HONG KONG, AUSTRALIA, KOREA DAN SINGAPURA.

SAUDARA DAN SAUDARI,

9. KITA TAHU BAHAWA SISTEM PENDIDIKAN KITA PERLU, MELAHIRKAN INDIVIDU – APA YANG DIGELAR SEBAGAI PEKERJA BERPENGETAHUAN – YANG MANA DAPAT MEMENUHI CABARAN ABAD INI. DALAM HAL INI, MANDAT UNTUK MENINGKATKAN SISTEM PENDIDIKAN SEKARANG ADALAH JELAS.

10. BAGAIMANAPUN, KITA TIDAK BOLEH HANYA MENUMPUKAN USAHA KITA KEPADA PEKERJA BERPENGETAHUAN SEMATA-MATA. ASPIRASI KITA UNTUK NEGARA INI MENUJU LEBIH JAUH DARIPADA PENETAPAN GLOBALISASI. KITA TIDAK MAHU HANYA MEMBERI REAKSI KEPADA TEKANAN LUAR, TETAPI JUGA UNTUK MEMBENTUK DAN MENUBUHKAN SEBUAH NEGARA YANG SELARAS DENGAN IMPIAN KITA. KITA BUKAN SAHAJA MAHU SEBUAH NEGARA YANG BERDAYA SAING DAN INOVATIF, TETAPI JUGA YANG HARMONI DAN BERSATU PADU.

11. KEDUA-DUA HARAPAN INI PERLU MENJADI LANDASAN BAGAIMANA KITA MENDEKATI SISTEM PENDIDIKAN NEGARA. JIKA KITA SERIUS UNTUK BERDAYA SAING DAN JIKA KITA BENAR-BENAR MAHU KEAMANAN SERTA MASYARAKAT YANG STABIL, KITA BUKAN SAHAJA MESTI BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN PENDIDIKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH, TETAPI JUGA MENINGKATKAN TAHAP INTEGRASI NASIONAL.

12. TAHAP INTEGRASI DAN KEFAHAMAN SESAMA KAUM MASA KINI MENJADI SATU KEBIMBANGAN. SEKOLAH-SEKOLAH KINI MENJADI LEBIH MONO-KAUM, DENGAN JUMLAH PENDAFTARAN BAGI PELAJAR BUKAN MELAYU DI SEKOLAH KEBANGSAAN SEMAKIN MENURUN DARI MASA KE SEMASA. MALAH DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN UNIVERSITI, BUDAYA "KLIK" SATU-SATU BANGSA TELAH MENJADI LUMRAH. PASTINYA, AMALAN INI AKAN MENANAMKAN ELEMEN SALAH FAHAM DAN TIDAK PERCAYA SESAMA BANGSA PADA MASA DEPAN. SEKIRANYA BUDAYA INI DITERUSKAN, KITA AKAN MULA BERPISAH, DENGAN PERSAMAAN YANG TIDAK IKHLAS ANTARA SATU SAMA LAIN, DAN HANYA SEGELINTIR YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN JUJUR BAGI MENGIKAT KITA BERSAMA DALAM USAHA MENUJU KE ARAH WAWASAN YANG SERUPA.

13. SESUNGGUHNYA SAYA PERCAYA BAHAWA DALAM USAHA MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH CEMERLANG, KITA HENDAKLAH MEMAHAMI ANTARA SATU SAMA LAIN. KITA MESTI MENGAKUI AKAN PERSAMAAN KITA DAN BERSYUKUR DENGAN PERBEZAAN SERTA KEKUATAN KITA, DAN DENGAN CARA INI DAPAT MENJADI LEBIH KUAT UNTUK MENGHADAPI DUNIA BERSAMA. 47 TAHUN LALU, SIAPA YANG SANGKA YANG KITA DAPAT BERADA JAUH DI SINI? SAUDARA DAN SAUDARI, KITA MAMPU BERGERAK LEBIH JAUH LAGI. BAYANGKAN APA YANG KITA DAPAT CAPAI SEKIRANYA SETIAP KANAK-KANAK, SETIAP ANAK MUDA, MENYEDARI POTENSI MEREKA. BAYANGKAN APA YANG MAMPU DICAPAI NEGARA INI JIKA KITA MELALUINYA BERSAMA, TANPA MENGIRA BANGSA DAN

KETURUNAN, BAGI MEMEGANG KEPENTINGAN BERSAMA DEMI MASA DEPAN NEGARA INI.

SAUDARA DAN SAUDARI,

14. HARAPAN INI BUKANLAH SESUATU YANG TIDAK MUNGKIN TERCAPAI. DENGAN USAHA YANG BETUL, DENGAN DAYA POLITIK DAN USAHA ORANG RAMAI, DAN DENGAN SUMBER YANG MENCUKUPI, KITA DAPAT MENCAPAI ASPIRASI KITA UNTUK MENJADI SEBUAH NEGARA YANG DINAMIK DAN PELBAGAI DALAM ABAD KE-21.

15. KITA BERKUMPUL PADA HARI INI UNTUK MEMBINCANGKAN BAGAIMANA KITA DAPAT MENCAPAI KESEMUA HARAPAN ITU. DENGAN KEHADIRAN RAMAI AHLI FIKIR DALAM BIDANG INI, SAYA TIDAK NAFIKAN YANG KITA MAMPU MENGENALPASTI BEBERAPA PENYELESAIAN ATAU KAEDAH UNTUK MEMPERBAIKINYA. BAGAIMANAPUN, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK BERKONGSI SAMA PANDANGAN SAYA DALAM HAL INI. SAYA SUDAH PUN BERCAKAP PANJANG LEBAR MENGENAI KEPERLUAN UNTUK MEMASTIKAN KUALITI DAN MENINGKATKAN INTEGRASI KAUM SEBAGAI MANDAT BERGANDA BAGI SISTEM PENDIDIKAN KITA. BERDASARKAN OBJEKTIF-OBJEKTIF INI, SAYA PERCAYA TERDAPAT DUA STRATEGI UTAMA YANG PERLU KITA LAKUKAN.

16. SEBAGAI PERMULAAN, KITA PERLU MELAKUKAN PERUBAHAN PENTING DAN MENINGKATKAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MENJADIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN, SEBAGAI SEBUAH "SEKOLAH PILIHAN", DENGAN MEMELIHARA KEDUDUKAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN HARI INI. KITA PERLU MELAKUKAN SESUATU TERHADAP KEBIMBANGAN IBU BAPA MENGENAI KUALITI SEKOLAH KEBANGSAAN DAN BERUSAHA UNTUK MEMULIHKAN SEMULA KELEMAHAN ITU SUPAYA IBU BAPA SENANG UNTUK MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI BANGSA DAN BERKUALITI TINGGI. SEKOLAH KEBANGSAAN SEPATUTNYA MENJADI PENDAHULUAN DALAM MENYEDIAKAN LANDASAN BAGI KEMAHIRAN ASAS DAN PENGETAHUAN, SERTA MENERAPKAN TOLERANSI DAN KEFAHAMAN SESAMA KAUM.

17. SALAH SATU KEBIMBANGAN BESAR ADALAH KUALITI PENGAJARAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN. PROFESION GURU TIDAK LAGI DIPANDANG TINGGI SEBAGAIMANA SEBELUM INI. PERKARA INI ADALAH SESUATU YANG MENYEDIHKAN. SAYA PASTINYA TIDAK AKAN BERADA DI SINI HARI INI KALAU BUKAN KERANA BEBERAPA GURU YANG TELAH MENDIDIK DAN MEMBERI SEMANGAT KEPADA SAYA UNTUK MELAKUKAN YANG TERBAIK. KEJAYAAN ANAK MUDA KITA BANYAK BERGANTUNG KEPADA KUALITI GURU-GURU MEREKA. UNTUK ITU, KITA PERLU BERUSAHA SECARA SERIUS DAN MERANCANGKAN BERSAMA BAGI MENINGKATKAN SISTEM PENDIDIKAN DENGAN MELIPATGANDA MOTIVASI SERTA MEMPERBAIKI KEDUDUKAN BIDANG PERGURUAN. BEBERAPA PERKARA PERLU DIKAJI SEMULA, SEPERTI PENGAMBILAN GURU-GURU, LATIHAN, PROSES PROMOSI, FAEDAH DAN SUASANA KERJA. DALAM HAL INI, SAYA MENYOKONG PENUMPUAN YANG DIBERIKAN MENTERI PELAJARAN UNTUK MEMBAIKI BIDANG PERGURUAN DAN MELIHAT IA SEBAGAI SATU KEUTAMAAN KERAJAAN.

18. DI SAMPING ITU, PERKARA LAIN YANG PERLU DILIHAT ADALAH PERKARA YANG DIPERUNTUKAN DALAM MATAPELAJARAN YANG DINILAI TINGGI UNTUK ASAS BUDAYA DAN AGAMA. ANTARA YANG MENJADI PILIHAN KEPADA SEKOLAH VIRNUKULAR DAN SEKOLAH AGAMA ADALAH TANGGAPAN DI MANA TERDAPAT SESETENGAH MATAPELAJARAN TIDAK DIAJAR DENGAN BAIK ATAU TIADA PENEKANAN YANG DIBERIKAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN. PERSEPSI INI HENDAKLAH DIBETULKAN SEMULA. SEBAGAI PERMULAAN, SAYA INGIN MELIHAT KUALITI YANG TINGGI BAGI MATAPELAJARAN BAHASA MANDARIN, TAMIL ATAU ARAB DIAJAR DI SEMUA SEKOLAH KEBANGSAAN, DAN MENJADIKAN IA SEBAGAI SATU PILIHAN ASAS KEPADA SETIAP PELAJAR TANPA MENGIRA BANGSA

MEREKA. DALAM MASA SAYA PERCAYA BAHAWA MEMPELAJARI BAHASA IBUNDA KITA ADALAH PENTING, TETAPI KITA SEMUA HENDAKLAH MULA MELIHAT BAHASA SEBAGAI ILMU YANG PENTING DAN SEBAGAI PELABURAN KEPADA DUNIA GLOBALISASI. KITA JUGA PERLU MENGUKUHKAN PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN AGAR DAPAT MENERAPKAN NILAI-NILAI PENTING DI KALANGAN GENERASI MUDA KITA. PELANCARAN PROJEK PERINTIS "J-QAF' BARU-BARU INI ADALAH SATU LANGKAH YANG BAIK. MELALUI PROGRAM INI, PENGAJARAN DAN KOKURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DITINGKATKAN KE ARAH MENINGKATKAN CELIK BAHASA ARAB SERTA PEMAHAMAN BAGI AL-QURAN. DENGAN CARA INI, PENDIDIKAN ISLAM TIDAK LAGI TERTUMPU KEPADA PENGHAFFALAN TETAPI LEBIH KEPADA PEMAHAMAN PENGAJARAN QURAN.

19. KO-KURIKULUM JUGA MERUPAKAN SATU BIDANG YANG PERLU DIBERI PERHATIAN. TUMPUAN KEPADA PEMBELAJARAN AKADEMIK BUKAN SAHAJA MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERORIENTASIKAN PEPERIKSAAN, TETAPI JUGA MELAHIRKAN INDIVIDU YANG SEMPIT PEMIKIRAN. KITA PERLU PULIHKAN SEMULA AKTIVITI KO-KURIKULUM YANG MENARIK DAN MENCABAR DI SEKOLAH-SEKOLAH, SUPAYA ANAK-ANAK MUDA KITA AKAN MENJADI LEBIH SERBA KEMAMPUAN DAN MEMILIKI PERSPEKTIF YANG LEBIH BAIK TERHADAP KEHIDUPAN.

20. SAYA PERCAYA BAHAWA ADALAH AMAT PENTING UNTUK KITA MENINGKATKAN LAGI PERPADUAN DAN INTEGRASI KAUM DI SEKOLAH. TERDAPAT SEDIKIT KEBIMBANGAN KERANA SEKOLAH DIKATAKAN TIDAK MENCERMINKAN CIRI-CIRI DAN SEMANGAT MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM DENGAN SEPENUHNYA. KITA PERLU MENAMBAHKAN BILANGAN GURU, GURU BESAR DAN PENGETUA YANG BUKAN BERBANGSA MELAYU. ADALAH AMAT PENTING JUGA UNTUK KITA MEMASTIKAN AGAR GURU-GURU LEBIH PEKA DAN BERKESEDARAN TERHADAP TUNTUTAN DAN SENSITIVITI MASYARAKAT BERBILANG KAUM. KITA JUGA PERLU MEMBERIKAN LEBIH BANYAK RUANG DAN PELUANG UNTUK MASYARAKAT BERBILANG KAUM INI BERCAMPUR GAUL SEPERTI MEWUJUDKAN PROGRAM SEKOLAH BERKEMBAR DI MANA WARGA SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN BERKUMPUL BERSAMA DAN BERINTERAKSI DALAM AKTIVITI SUKAN ATAU AKTIVITI-AKTIVITI KOKURIKULUM YANG LAIN.

21. KITA MESTI MENGGALAKKAN PARA REMAJA KITA UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM USAHA-USAHA PENGINTEGRASIAN INI DENGAN MEMASTIKAN BAHAWA USAHA-USAHA TERSEBUT ADALAH MENYERONOKAN DAN MAMPU MENARIK MINAT DAN PERHATIAN GENERASI MUDA HARI INI. UNTUK ITU, KITA PERLU MENGENALPASTI AKTIVITI YANG SEMEMANGNYA GEMAR DILAKUKAN OLEH GOLONGAN MUDA DAN MENGGUNAKAN AKTIVITI TERSEBUT SEBAGAI LANDASAN UNTUK MENGGALAKKAN MEREKA BERINTERAKSI ANTARA SESAMA KAUM. SATU CONTOH IALAH 'PROGRAM E-INTEGRASI', SATU PROJEK PERMULAAN YANG MENGGALAKKAN PARA PELAJAR DARI SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN UNTUK BERINTERAKSI ANTARA SATU SAMA LAIN MELALUI PERMAINAN KOMPUTER YANG DIREKA KHAS BERTERASKAN TEMA PERPADUAN KAUM. MATLAMAT AMNYA IALAH UNTUK MEMASTIKAN MEREKA MULA BERINTERAKSI ANTARA SATU SAMA LAIN SECARA MAYA, DAN KEMUDIANNYA BERJUMPA UNTUK MENGUKUHKAN SEMANGAT BERPASUKAN YANG TELAH MEREKA BINA MELALUI PERMAINAN KOMPUTER TERSEBUT. PROJEK PERINGKAT PERMULAAN INI YANG MELIBATKAN 60 BUAH SEKOLAH DI PULAU PINANG DIJADUALKAN BERMULA TAHUN INI DENGAN PEMBIAYAANNYA DITANGGUNG OLEH 'DEMONSTRATOR APPLICATION GRANT SCHEME (D.A.G.S)'. INI MERUPAKAN SATU CONTOH BAGAIMANA TEKNOLOGI BOLEH DIGUNAKAN SECARA INOVATIF UNTUK MENCAPAI MATLAMAT SOSIAL. USAHA-USAHA SEBEGINI SEHARUSNYA TERUS DIGALAKKAN DAN DICONTOKI.

22. ADA BANYAK ASPEK LAIN YANG TURUT PERLU DIBERIKAN PERHATIAN, TETAPI SECARA DASARNYA, ADALAH AMAT PENTING UNTUK KITA TERLEBIH DAHULU MENYEMPURNAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN. INI ADALAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA BUKAN SAHAJA PENDIDIKAN ASAS YANG BAIK MAMPU DIBERIKAN MALAH PERPADUAN BANGSA JUGA AKAN DAPAT DIPUPUK. MATLAMAT UNTUK MENJADIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN SEKOLAH PILIHAN SEMUA SEMEMANGNYA MEMERLUKAN PERUBAHAN SIKAP DAN MINDA SEMUA MASYARAKAT, TETAPI SAYA PERCAYA YANG IANYA AKAN MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA KITA SEMUA DALAM TEMPOH JANGKA MASA PANJANG. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR SEMUA IBUBAPA, TENAGA PENGAJAR DAN PIHAK YANG TERLIBAT AKAN MEMBANTU UNTUK MENJADIKAN IMPIAN INI SATU KENYATAAN.

SAUDARA SAUDARI

23. STRATEGI KEDUA SAYA BAWA IALAH UNTUK MEMULAKAN USAHA-USAHA BAGI MEWUJUDKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERTARAF DUNIA SEJAJAR DENGAN USAHA UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN BERTARAF DUNIA. UNIVERSITI ATAU KOLEJ BERTARAF DUNIA ADALAH PENTING BUKAN SAHAJA UNTUK MELAHIRKAN TENAGA KERJA YANG BERDAYA SAING TETAPI JUGA DALAM MELAHIRKAN WARGA MALAYSIA YANG AKAN MENYUMBANG KEMBALI KEPADA NEGARA.

24. SEBAGAI LANGKAH PERMULAAN, KITA PERLU SENTIASA MENILAI DAN MENANDA ARAS KUALITI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERMULA DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI AWAM. SEPATUTNYA, KITA SUDAH LAMA MEWUJUDKAN SATU SISTEM DI MANA KITA BOLEH MENILAI DAN MEMBANDINGKAN PRESTASI UNIVERSITI-UNIVERSITI AWAM DI NEGARA INI BERDASARKAN KRITERIA SEPERTI KUALITI PENGAJARAN, PENYELIDIKAN, INFRASTRUKTUR, KEPUASAN HATI PELAJAR DAN POTENSI GRADUAN UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN. SELAIN MENJADIKAN UNIVERSITI AWAM LEBIH TELUS, PERSAINGAN SIHAT ANTARA UNIVERSITI INI JUGA AKAN DAPAT DIJADIKAN DORONGAN YANG AKAN MELAHIRKAN SISTEM PENGAJARAN, KURSUS-KURSUS DAN PENYELIDIKAN YANG LEBIH BAIK. SELAIN ITU, KEPUTUSAN DARIPADA PENILAIAN PRESTASI UNIVERSITI-UNIVERSITI INI BOLEH DIJADIKAN KAYU PENGUKUR YANG AKAN MENENTUKAN JUMLAH PEMBIAYAAN KERAJAAN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI INI, YANG BOLEH DILIHAT SEBAGAI INSENTIF TAMBAHAN KEPADA PENINGKATAN KUALITI.

25. KITA JUGA PERLU MEWUJUDKAN SATU JALINAN KERJASAMA ANTARA DUNIA AKADEMIK DAN INDUSTRI AGAR GRADUAN-GRADUAN YANG DILAHIRKAN CUKUP TERLATIH DAN BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI DUNIA PEKERJAAN DAN PENYELIDIKAN-PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN JUGA SELARI DENGAN KEPERLUAN PASARAN SEMASA. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MESTI MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENGEMASKINIKAN KURSUS-KURSUS MEREKA SERTA MENINGKATKAN JUMLAH PENEMPATAN PARA PELAJAR BAGI LATIHAN INDUSTRI DENGAN MENGADAKAN DIALOG BERSAMA PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN. SATU MEKANISME JUGA PERLU DIWUJUDKAN UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PENGLIBATAN ATAU PELABURAN SEKTOR SWASTA DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DAPAT DITINGKATKAN MELALUI KEWUJUDAN PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN YANG DITAJA OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TERTENTU.

26. INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI JUGA PERLU MEWUJUDKAN SATU SISTEM SOKONGAN YANG AKAN DAPAT MEMBANTU MEMASARKAN PARA GRADUAN MEREKA. PANDUAN KERJAYA DAN KERJASAMA DENGAN PIHAK INDUSTRI MASIH LAGI DI TAHAP MINIMA DI MALAYSIA INI. INI TIDAK SEPATUTNYA TERJADI KERANA TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI TERHADAP PARA PELAJARNYA TIDAK BERAKHIR APABILA MEREKA TELAH MENERIMA SEGULUNG

IJAZAH. UNIVERSITI JUGA PERLU MENUMPANG MEGAH DAN PRIHATIN TERHADAP PRESTASI GRADUAN MEREKA SETELAH TAMAT PENGAJIAN. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, HUBUNGAN RAPAT DENGAN PIHAK INDUSTRI DAN ALUMNI ADALAH SANGAT PENTING.

27. HAKIKATNYA, PENDIDIKAN FORMAL TIDAK BERAKHIR APABILA KITA TAMAT PERSEKOLAHAN ATAU PENGAJIAN TINGGI. ILMU-ILMU BARU DALAM PELBAGAI BIDANG LAHIR SECARA BERTERUSAN. UNTUK ITU, RAKYAT MALAYSIA SEHARUSNYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN ILMU DAN KEMAHIRAN MEREKA, BAIK SECARA FORMAL ATAUPUN DI TEMPAT KERJA. BUDAYA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DAN KEGHAIRAHAN UNTUK MENUNTUT ILMU PERLU KITA SEMAIKAN.

27. PASTINYA, PEMBELAJARAN RASMI TIDAK AKAN BERHENTI APABILA KITA TAMAT SEKOLAH ATAU PENDIDIKAN TINGGI. ILMU BARU SENTIASA DIHASILKAN. RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH TERUS MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN MEREKA, DI INSTITUSI RASMI DAN JUGA DI TEMPAT BEKERJA. BUDAYA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DAN MINAT YANG MENDALAM KEPADA ILMU HENDAKLAH DISEMAI.

SAUDARA SAUDARA,

28. KITA AKUI AKAN PERLUNYA UNTUK MENINGKATKAN SISTEM PENDIDIKAN KITA, DAN KITA JUGA SETUJU AKAN HALA TUJU YANG PERLU DIAMBIL. PADA MASA SAMA, SAYA RASA KITA JUGA SEDAR BETAPA BESAR DAN RUMIT USAHA INI. SEMUA ORANG MEMPUYAI PANDANGAN MASING-MASING DALAM BIDANG PENDIDIKAN; TETAPI ADALAH PENTING UNTUK MELIHAT PERSPEKTIF YANG LEBIH LUAS UNTUK BERGERAK KE HADAPAN. KITA TIDAK BOLEH MEMBENARKAN SEGELINTIR PERBEZAAN UNTUK MELEMBABKAN PELAKSANAANNYA. APA PUN, SAYA AMAT SERIUS DALAM MENINGKATKAN KUALITI BAGI SISTEM PENDIDIKAN KITA.

29. UNTUK ITU, DAN SEBAGAI LANGKAH PERTAMA, SAYA TELAH MENGASINGKAN PORTFOLIO PENDIDIKAN KEPADA DUA KEMENTERIAN, IAITU KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI. JURANG BAGI KUALITI DAN PERPADUAN NASIONAL ADALAH ISU YANG PERLU DITANGANI DENGAN SEGERA DAN KERANA ITU, SAYA MAHU KEDUA-DUA MENTERI INI MENCURAHKAN SEGALA-GALANYA DAN MEMBERI PENUMPUAN KEPADA FOKUS YANG LEBIH KECIL TETAPI SAMA PENTINGNYA. PASTINYA, KEDUA-DUA KEMENTERIAN BERKENAAN HENDAKLAH MEMAHAMI OBJEKTIF MASING-MASING DAN MEMPUYAI JALINAN KERJASAMA YANG ERAT BAGI MEMASTIKAN KEKUKUHANNYA.

30. SALAH SATU PERKARA PERTAMA YANG SAYA MINTA RAKYAT MALAYSIA SEBAIK SAHAJA MENJADI PERDANA MENTERI ADALAH BAGI ANDA UNTUK BEKERJA BERSAMA SAYA. KERAJAAN SAHAJA TIDAK DAPAT MENINGKATKAN SISTEM PENDIDIKAN KITA. JANGAN SESEKALI MERASAKAN BAHAWA SISTEM PENDIDIKAN HANYA TERLETAK DI DALAM PERKARANGAN SEKOLAH ATAU BIROKRASI KEMENTERIAN PELAJARAN. SISTEM PENDIDIKAN KITA TURUT MERANGKUMI PERANAN IBUBAPA, SOKONGAN MASYARAKAT SETEMPAT, SINERGI DARIPADA KESEDIAAN SEKTOR SWASTA, KESEDARAN YANG PERLU DIWUJUDKAN DARIPADA KESEDIAAN PIHAK MEDIA DAN SEBANYAK MANA SUMBANGAN DARIPADA RAKYAT MALAYSIA YANG SUDAH BERJAYA TERHADAP SEKOLAH-SEKOLAH DAN UNIVERSITI-UNIVERSITI.

31. SAYA MAHU KEDUA-DUA MENTERI PELAJARAN DAN PENGAJIAN TINGGI UNTUK MEMULAKAN PROSES PENYUBURAN SEMULA DENGAN MENGETUAI DAN MENJADI PENYELARAS BAGI USAHA NEGARA UNTUK MENGUKUHKAN SISTEM PENDIDIKAN KITA. BERIKAN RAKYAT MALAYSIA SATU PERASAAN "MEMILIKI" SEKOLAH-SEKOLAH DAN UNIVERSITI-UNIVERSITI MEREKA. JADIKAN MEREKA

SEBAGAI GOLONGAN YANG MENGAMBIL BERAT TERHADAP SEKOLAH MASING-MASING DAN TIDAK HANYA BERALIH KEPADA KERAJAAN UNTUK BANTUAN. JADIKAN PENDIDIKAN SEBAGAI SESUATU YANG DIUTAMAKAN OLEH BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN SETIAP INDIVIDU. JADIKAN SETIAP RAKYAT MALAYSIA SEBAGAI PESERTA KEPADA PROSES INI.

32. SAYA SERAHKAN KEPADA DATO' HISHAMMUDDIN DAN DATO' SHAFIE BAGAIMANA MEREKA MAHU MELAKSANAKAN USAHA INI. APA YANG PENTING ADALAH KITA BEKERJASAMA KE ARAH HARAPAN YANG SAMA, ASPIRASI YANG SAMA, DAN WAWASAN YANG SAMA BAGI MASA DEPAN GENERASI MUDA DAN NEGARA. DENGAN MENJADIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN SEKOLAH PILIHAN, DENGAN MENJADIKAN UNIVERSITI TEMPATAN SEBAGAI INSTITUSI BERTARAF DUNIA, SAYA PERCAYA KITA AKAN MENCAPAI IMPIAN MALAYSIA YANG BERDAYA SAING DAN BERPADU. SAYA HARAP KITA SEMUA DAPAT BEKERJASAMA BAGI MENGGERAKKAN USAHA MURNI INI.

TERIMA KASIH.

**UCAPAN PERDANA MENTERI
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
SEMASA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI
RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010
DI DEWAN RAKYAT PADA 31 MAC 2006**

MEMBINA TAMADUN MENJULANG MARTABAT NEGARA

Tuan Yang di'Pertua

1. Dengan sukacitanya saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar (dan pelaksanaan) pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

2. Dengan izin Tuan Yang di'Pertua, saya membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh 2006-2010 berserta Misi Nasional untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan

yang mulia ini.

PENDAHULUAN

3. Kita bersyukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan izin dan kurniaNya juga, saya dapat membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sesungguhnya, ALLAH S.W.T. memerintahkan manusia untuk memakmurkan kehidupan seperti firman Nya:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Terjemahan: *"Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu sebagai pemakmurnya"*

(Surah Hud 11:61)

4. Rancangan Malaysia Kesembilan ini, dengan hasrat untuk membina kemakmuran, merupakan antara Rancangan Malaysia yang penting dalam sejarah negara, memandangkan negara kini berada pada titik pertengahan dalam perjalanan ke arah tahun 2020. Kita telah melalui fasa lima belas tahun yang pertama Wawasan 2020. Pelbagai rintangan serta cabaran telah kita hadapi. Pertumbuhan negara yang begitu pesat pada tahun 1990'an terjejas akibat krisis kewangan Asia. Situasi negara beransur pulih menjelang tahun 2000; tetapi peristiwa 11 September 2001 memberikan cabaran baru. Di samping itu, pelbagai peristiwa lain turut melanda negara dan rantau ini, antaranya wabak SARS dan selsema burung, gempa bumi dan tsunami.

5. Alhamdulillah, berkat kegigihan pemimpin dan ketekunan rakyat, negara berjaya menyatukan usaha – menggabungkan tenaga, mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial yang membanggakan. Meskipun menghadapi pelbagai cabaran dalam masa lima belas tahun lalu, negara berjaya mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.2 peratus setahun antara 1991 dengan 2005. Pertumbuhan ini dapat dilihat dalam peningkatan lebih sekali ganda pendapatan isi rumah daripada 1,169 ringgit sebulan dalam tahun 1990 ke 3,249 ringgit sebulan dalam tahun 2004. Semua sektor ekonomi negara menampakkan kemajuan termasuklah pengembangan sektor ekonomi baru seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Hasil pertumbuhan ini, jumlah eksport negara meningkat pada kadar purata 13.5 peratus setahun dalam tempoh 1991 – 2005 menjadikan negara kita negara pedagang yang ke-18 terbesar dunia.

6. Dari segi sosial, negara terus memperlihatkan kemajuan. Kadar kemiskinan menguncup, daripada 22.8 peratus pada tahun 1990 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004. Keperluan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan serta perumahan lebih banyak disediakan, demikian juga dengan pembangunan prasarana dan utiliti.

7. Meskipun kita telah berjaya melalui lima belas tahun yang lalu dengan baik, kita harus mengubah cara pemikiran bagi fasa lima belas tahun yang seterusnya. Saya melihat fasa kedua sebagai tempoh yang lebih mencabar. Keadaan dunia sekarang dan akan datang jauh berbeza. Persekitaran kita telah menjadi semakin mencabar. Peningkatan harga minyak dunia membawa kesan mendalam kepada kehidupan setiap insan. Persaingan bagi pelaburan dan peluang pekerjaan menjadi lebih sengit. Di samping menghadapi saingan hebat dari negara China dan India, negara-negara membangun lain di rantau Asia semakin gigih membangunkan ekonomi masing-masing. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terlindung daripada persekitaran yang semakin kompetitif, lebih-lebih lagi dengan bermulanya era ICT.

8. Pada masa yang sama, kita turut menghadapi cabaran baru dari dalam negara. Kehidupan masyarakat Malaysia pada umumnya telah berubah. Ramai penduduk bertumpu ke kawasan bandar. Dengan peningkatan pendidikan, kumpulan berpendapatan menengah semakin bertambah. Mutu

kehidupan yang dinikmati rakyat bertambah baik. Walau bagaimanapun, jurang pendapatan dan kekayaan tetap wujud terutamanya antara kaum dan antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar. Polarisasi kaum masih boleh dilihat di sekolah, di tempat kerja dan dalam kehidupan awam keseluruhannya.

9. Malaysia perlu mengatasi pelbagai cabaran ini dengan bijak lagi berkesan. Kita perlu menetapkan bagaimana cabaran-cabaran tersebut dapat diatasi dalam hasrat mencapai matlamat Wawasan 2020. Kita perlu bertindak pantas. Hanya 15 tahun sahaja yang tinggal antara sekarang sehingga 2020. Kita perlu menjadikan tempoh 15 tahun ini tempoh yang paling produktif dan paling bermakna, demi mencapai cita-cita kita. Kita mesti menjadikan 15 tahun ini, tahun-tahun yang terbaik dalam usaha kita untuk berdiri megah pada tahun 2020 nanti mengumumkan bahawa wawasan yang kita gagaskan telah tercapai.

MISI NASIONAL, 2006-2020

Tuan Yang di'Pertua

10. Kita kini memulakan langkah selanjutnya, langkah fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Kita mahu negara menjadi negara maju, dengan ciri-ciri tersendiri. Kita mahu kemajuan yang bersifat holistik, merangkumi kesemua sembilan cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020. Kita mahu kemajuan yang dapat dinikmati semua, secara saksama tanpa mengira agama atau kaum. Kita mahu membina tamadun negara, seiring dengan kecemerlangan tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain, selaras dengan pendekatan Islam Hadhari.

11. Sebagai panduan bagi perjalanan seterusnya, Kerajaan telah menggubal dan akan melaksanakan Misi Nasional – satu rangka kerja bagi agenda pembangunan negara dengan menggariskan langkah-langkah utama yang harus diambil bagi tempoh lima belas tahun akan datang. Misi Nasional akan menumpukan usaha negara kepada bidang-bidang utama yang akan membawa kepada pencapaian Wawasan 2020. Bidang-bidang utama ini meliputi keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, pembangunan modal insan, integrasi nasional, hubungan antara kaum, pengagihan pendapatan dan kekayaan, serta mutu hidup rakyat. Dengan menumpukan usaha kepada bidang-bidang tersebut, kita dapat memperolehi hasil lebih baik dan impak pembangunan lebih ketara.

12. Misi Nasional yang dirangka merangkumi lima teras utama:

- Teras Pertama: Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara. Melalui teras ini, Kerajaan menasaskan untuk meningkatkan nilai tambah sektor ekonomi sedia ada, serta mewujudkan aktiviti berasaskan pengetahuan dan peluang pekerjaan dalam bidang ICT, bioteknologi, nanoteknologi dan perkhidmatan. Di samping itu, Kerajaan akan turut mewujudkan persekitaran kondusif bagi sektor swasta menerajui pembangunan ekonomi negara.
- Teras Kedua: Meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'. Kejayaan masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian. Seajar dengan teras ini, Kerajaan akan melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh, dari peringkat pra-sekolah hinggalah ke peringkat tinggi dan vokasional. Persekitaran yang menggalakkan akan diwujudkan untuk menjana lebih banyak usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pada masa yang sama, penekanan akan diberi kepada usaha memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.
- Teras Ketiga: Menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Kerajaan mendokong matlamat untuk membasmi kemiskinan, menjana pembangunan lebih seimbang, serta memastikan manfaat pembangunan dinikmati rakyat secara adil dan saksama.
- Teras keempat: Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup. Kerajaan akan terus menyediakan

keperluan asas seperti air, tenaga, perumahan, pengangkutan dan kemudahan lain, namun penekanan harus diberikan kepada usaha menangani isu-isu berhubung penyenggaraan, penaiktarafan dan keberkesanan penggunaan sumber.

· Teras kelima: Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara. Kejayaan perancangan terletak pada keupayaan untuk melaksana. Untuk itu, Kerajaan komited menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam di semua peringkat. Di samping itu, Kerajaan juga akan menangani isu-isu berhubung rasuah dan integriti di dalam sektor awam dan swasta, mahupun di kalangan masyarakat umum.

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010

Tuan Yang di'Pertua,

13. Rancangan Malaysia Kesembilan, adalah rancangan lima tahun pertama daripada tiga rancangan lima tahun yang akan memacu Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020. Rancangan ini merupakan kesinambungan perancangan Kerajaan membentuk sebuah negara yang maju ekonominya; seimbang pembangunannya sosialnya; memiliki warga yang bersatu padu, berbudaya, berpekeriti mulia, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh. Sesungguhnya, bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita perlu melipatgandakan usaha menggarap kejayaan lebih unggul demi **Membina Tamadun dan Menjulung Martabat Negara.**

14. Kerajaan akan memastikan bahawa kedudukan makro ekonomi negara kekal stabil supaya usaha-usaha pembangunan dapat berlangsung secara lancar lagi berkesan. Kita akan memastikan bahawa tekanan inflasi sentiasa terkawal. Kita akan memastikan dasar fiskal terus menyokong pertumbuhan negara, sementara defisit Kerajaan Persekutuan dikurangkan secara beransur daripada 3.8 peratus pada tahun 2005 kepada 3.4 peratus pada tahun 2010. Kerajaan akan menguruskan akaun awam secara berhemat dan mengambil langkah tegas untuk memastikan keberkesanan kos perbelanjaan.

15. Dijangkakan bahawa permintaan dalam negeri beserta pelaburan swasta akan memacu pertumbuhan. Pelaburan swasta dijangka berkembang pada kadar purata 11.2 peratus setahun dan dijangka mengatasi jumlah pelaburan sektor awam buat pertama kalinya sejak krisis kewangan Asia. Pada masa yang sama, sumbangan produktiviti faktor keseluruhan ("total factor productivity") dijangka meningkat daripada 29 peratus kepada 35.8 peratus selaras dengan peralihan kepada ekonomi yang berpaksikan pengetahuan dan mengutamakan kecekapan.

16. Eksport Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang dijangka menggalakkan dengan eksport kasar berkembang pada kadar 8.5 peratus setahun. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah dagangan dijangka melepasi satu trilion ringgit buat pertama kalinya.

17. Matlamat pertumbuhan KDNK sebenar adalah pada kadar purata 6.0 peratus setahun dalam Rancangan ini. Berdasarkan kadar pertumbuhan ini, Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita dijangka meningkat pada kadar purata 5.9 peratus setahun mencecah 23,573 ringgit pada tahun 2010. KNK per kapita dari segi pariti kuasa beli pula dijangka meningkat kepada 13,878 U.S. Dollar pada tahun 2010.

18. Pertumbuhan ekonomi tidak terpisah daripada pengaruh luaran. Kita akan mengamalkan dasar luar negara yang dapat memberi manfaat sepenuhnya bagi mencapai Misi Nasional. Kita akan berusaha menggalakkan persekitaran luar yang kondusif untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita akan berusaha ke arah mengukuhkan kerjasama serta keamanan dan kestabilan di dalam dan luar rantau ini, kerana tanpanya ekonomi negara sukar berkembang. Kita akan mengambil inisiatif secara agresif meneroka pasaran, mempromosi eksport, menarik pelaburan dan meningkatkan pelancongan. Kita akan berunding dan menyertai perjanjian perdagangan dua hala dan serantau yang dapat memberikan manfaat kepada kita. Untuk itu, kita akan memperbaiki kapasiti dalam pelbagai

institusi yang bertanggungjawab untuk memelihara dan mempromosikan kepentingan kita di luar negara.

MELAKSANAKAN MISI NASIONAL

Tuan Yang di'Pertua,

19. Izinkan saya seterusnya menggariskan dasar dan program utama Rancangan Malaysia Kesembilan, bertujuan untuk mencapai teras dan objektif Misi Nasional.

Teras Pertama: Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara

20. Globalisasi telah meningkatkan persaingan dalam pasaran antarabangsa. Bukan sahaja struktur dan persekitaran ekonomi makro domestik yang perlu diperkukuhkan, malah elemen ekonomi mikro seperti prestasi sektor-sektor ekonomi dan syarikat-syarikat tempatan juga perlu dimantapkan. Untuk meningkatkan daya saing jangka panjang negara, Kerajaan terus menggalakkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam tiga sektor utama ekonomi, iaitu pertama, pembuatan; kedua, perkhidmatan; dan ketiga, pertanian. Sumber pertumbuhan baru dalam sektor-sektor tersebut telah dikenal pasti dan akan digalakkan bagi menjana pendapatan tambahan dan mewujudkan kekayaan baru.

Meningkatkan Nilai Ditambah Dalam Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian

21. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 6.7 peratus setahun dan akan terus beralih kepada aktiviti berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan, dengan nilai ditambah yang tinggi merangkumi pelbagai industri terutamanya elektrik dan elektronik, petrokimia, bioteknologi, nanoteknologi, jentera dan peralatan, aeroangkasa dan maritim. Kerajaan akan menyediakan insentif khusus untuk menarik pelaburan termasuk FDI berkualiti bagi aktiviti sektor pembuatan yang digalakkan. Di samping itu, kita akan menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mempunyai keupayaan inovasi tinggi untuk menyertai rantaian pembekal dunia.

22. Antara projek utama yang akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan sektor pembuatan termasuk perluasan Taman Teknologi Tinggi Kulim, penubuhan Taman Teknologi Sarawak dan Taman Teknologi Perak, pembangunan 20 taman industri dan PKS di seluruh negara, serta penaiktarafan prasarana di kawasan industri sedia ada. Kerajaan juga akan membangunkan beberapa kelompok industri, iaitu kelompok industri elektrik dan elektronik (E&E) di Pulau Pinang dan Taman Teknologi Tinggi Kulim, dan kelompok industri petrokimia di Pahang dan Terengganu. Sebagai usaha untuk meningkatkan akses kepada sumber kewangan, Kerajaan akan mewujudkan beberapa dana seperti Dana Pelaburan Strategik, Dana Penyusunan Semula Industri, Dana Automasi, dan dana-dana khusus untuk bioteknologi, produk Halal dan kraf tangan.

23. Menyedari kelebihan Malaysia dalam sektor Halal, terutamanya dari segi pensijilan dan logo, kita akan memacu pertumbuhan industri Halal untuk menjadikan Malaysia sebuah hab antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan Halal. Perbadanan Kemajuan Industri Halal akan ditubuhkan bagi memajukan industri ini secara lebih tersusun dan menyeluruh.

24. Sektor perkhidmatan akan diberi anjakan lebih tinggi bagi merealisasikan potensi sepenuhnya. Sektor ini dijangka berkembang 6.5 peratus dalam tempoh Rancangan. Pada masa ini, industri perkhidmatan begitu tertumpu di Lembah Klang. Bagi meluaskan sektor perkhidmatan di lokasi lain, Wilayah Ekonomi Johor Selatan akan dibangunkan sebagai hab perkhidmatan serantau yang dinamik dengan memanfaatkan lokasi dan kelebihan semula jadi wilayah tersebut. Bagi meningkatkan akses kewangan dalam sektor ini, Dana Perkhidmatan Eksport dan Dana Sektor Perkhidmatan PKS akan ditubuhkan.

25. Pendapatan daripada industri pelancongan meningkat hampir dua kali ganda antara tahun 2001 dengan 2005. Bagi mengekalkan momentum ini, kita akan menjadikan Malaysia antara destinasi pelancongan utama dunia dan meningkatkan pelancongan domestik. Kelebihan Malaysia sebagai pusat persidangan, penganjuran acara, kemudahan sukan, pameran dan konvensyen serta kekayaan eko-pelancongan, kebudayaan dan seni, juga pusat membeli belah serta rekreasi, perlu dipromosikan secara agresif. Untuk itu, pengurusan Perbadanan Pembangunan Pelancongan Malaysia akan mengamalkan urus niaga secara swasta agar menjadi lebih dinamik. Selain itu, program utama yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk meningkatkan akses dan kemudahan bagi kemasukan pelancong, serta menaik taraf dan menyenggara kemudahan dan prasarana. Peruntukan sebanyak 1 bilion ringgit disediakan untuk tujuan penyenggaraan. Menjelang tahun 2010, kita mensasarkan untuk menarik seramai 24.6 juta pelancong setahun.

26. Kita juga akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan serantau bagi rawatan perubatan tradisional dan moden. Bagi tujuan ini kita perlu membangunkan pakej perkhidmatan kesihatan yang komprehensif. Usaha promosi juga akan ditingkatkan dengan mewujudkan jenama perkhidmatan kesihatan Malaysia yang dikenali sebagai 'Health Malaysia'.

27. Bagi perkhidmatan pendidikan, kita akan menggandakan usaha membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan serantau pendidikan peringkat tertiar. Kita akan mempromosi dan mengeksport pendidikan tinggi melalui pendekatan pemasaran yang lebih strategik dan penjenamaan produk pendidikan.

28. Dalam perkhidmatan kewangan, usaha akan ditumpu ke arah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat perbankan dan kewangan Islam antarabangsa. Di samping meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan secara progresif, kita turut menggalakkan institusi kewangan tempatan yang kompetitif untuk memasuki pasaran serantau.

29. Kerajaan juga akan menggalakkan pembangunan industri menyenggara, membaiki dan membaik pulih (MRO) pesawat dan kapal serta industri logistik bersepadu. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan membangunkan hab industri penerbangan yang komprehensif untuk menggalak lebih ramai penyertaan syarikat tempatan dan antarabangsa. Insentif dan program pembangunan juga akan diberi untuk mengembangkan perkhidmatan perniagaan, profesional dan pakar runding supaya lebih berdaya saing.

30. Sektor pertanian disasarkan berkembang sebanyak 5 peratus. Sektor ini akan diberi nafas baru untuk menjadi tunggak ketiga pertumbuhan ekonomi. Kita perlulah berfikiran progresif dengan keyakinan kita akan berjaya mengubah tanggapan tidak tepat bahawa pertanian merupakan aktiviti ekonomi yang mempunyai sedikit nilai ditambah serta menjana pendapatan yang rendah. Sektor tani sesungguhnya merupakan sumber kegiatan utama ekonomi masyarakat luar bandar. 37 peratus warga Malaysia berada di luar bandar. 7 daripada 13 buah negeri di Malaysia mempunyai kawasan luar bandar yang luas lagi ketara. Bumiputera merupakan golongan tertinggi dalam tahap kemiskinan pada kadar 8.3 peratus. Mereka merupakan majoriti penduduk luar bandar. 11.9 peratus kemiskinan terdapat di luar bandar, lebih dua kali ganda kadar kemiskinan nasional. Dengan itu, pembangunan sektor pertanian bukan hanya dapat menjana sumber pertumbuhan baru, malah dapat membantu usaha merapatkan jurang sosioekonomi di dalam negara, sekali gus memenuhi agenda membasmi kemiskinan. Dengan itu, Kerajaan akan membangunkan program 'Pertanian Baru' dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan nilai rantai serta meneroka aktiviti berasaskan pertanian yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi; perladangan komersial berskala besar, dan menggunakan ICT serta memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bioteknologi.

31. Inisiatif akan diambil untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan serta peluang menjana pendapatan dan kekayaan, penggunaan kaedah pertanian moden dan teknologi secara meluas, peningkatan R&D dan inovasi, penambahbaikan akreditasi perladangan, piawai dan kualiti produk, serta penambahbaikan keupayaan pemasaran dan infrastruktur. Kerajaan akan menggalakkan peningkatan penyertaan sektor

swasta termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), PKS, siswazah, usahawan tani dan tenaga kerja mahir bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam sektor ini. Negara berhasrat untuk menjadi negara pengeksporth bersih bagi makanan menjelang tahun 2010.

32. Bagi merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan, sebanyak 11.4 bilion ringgit diperuntukkan kepada sektor pertanian; merupakan peningkatan 70 peratus berbanding peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sebahagian besar daripadanya akan diperuntukkan bagi pembangunan prasarana berkaitan pengairan dan saliran, R&D, peningkatan kemudahan kredit dan pelaksanaan program pembangunan usahawan. Program penyatuan dan pemulihan tanah seluas lebih 100,000 hektar akan dilaksanakan manakala lebih daripada 380,000 hektar tanah akan ditanam semula dengan getah dan kelapa sawit. Projek utama lain termasuklah mewujudkan 28 Taman Kekal Pengeluaran Makanan dengan kawasan seluas hampir 2,400 hektar, Agropolis di Serdang dan Terminal Makanan Negara (TEMAN) di Ipoh dan Kota Bharu. Kita juga akan menambah kawasan pembangunan kelompok industri minyak sawit, lembah ternakan, lembah buah-buahan, taman akuakultur dan taman makanan halal.

33. Sektor pertanian yang sedang rancak dibangunkan oleh Kerajaan meliputi industri asas tani yang ketika ini telah mencapai nilai ditambah bernilai 16.9 bilion ringgit pada tahun 2005, dan berpotensi menyediakan 128,000 pekerjaan baru secara langsung dalam jangka masa lima tahun akan datang. Potensi sektor ini tiada batasannya jika diusahakan dengan teliti. Sektor pertanian perlu dilihat dengan kanta baru, dengan keyakinan baru; dibangunkan dengan azam baru – semangat baru – agenda baru. Menjelang tahun 2020, sektor pertanian perlu berada di tahap kejayaan yang membantu membina imej sebuah negara maju.

Menjana Sumber Kekayaan Baru Melalui ICT dan Bioteknologi

34. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkaitan ICT. Malaysia akan memanfaatkan potensinya dengan terus menggalakkan pertumbuhan industri perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar (“shared services and outsourcing industry”). Syarikat tempatan akan digalakkan menerokai perkhidmatan penyumberan luar dan aktiviti berkaitan bernilai tinggi. Kerajaan akan membangunkan bidang baru seperti industri kandungan digital tempatan dan bio-informatik. Perhatian khusus akan diberi bagi menggalakkan penggunaan e-dagang secara lebih luas. Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) pula akan ditumpukan kepada pembangunan rangkaian koridor, merangkumi tiga bandar siber sedia ada dan empat pusat siber yang akan dibangunkan, di samping meningkatkan kemudahan di Cyberjaya. Bagi memudahkan akses kepada sumber kewangan, pelbagai tabung dan program akan ditubuhkan sementara dana sedia ada akan diperkukuhkan.

35. Bioteknologi merupakan satu industri penting, berpotensi menjana sumber kekayaan baru. Usaha akan dipergiat bagi membangunkan industri bioteknologi sebagai peneraju baru pertumbuhan ekonomi. Tumpuan akan diberi kepada penggunaan bioteknologi dalam pertanian, penjagaan kesihatan, aktiviti perindustrian dan bio-informatik. Bagi menyokong pembangunan industri ini, kita akan menambah baik rangka kawal selia pelaburan bioteknologi, membangunkan infrastruktur berkaitan, memudahkan akses kepada pembiayaan, mempertingkat kadar pengkomersialan penemuan R&D, menambah bilangan tenaga kerja mahir bioteknologi dan penyelidik, serta menarik rakan kongsi asing bagi R&D. Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah 2 bilion ringgit bagi menggalakkan pembangunan industri bioteknologi sebagai melengkapkan pembiayaan sektor swasta. Syarikat tempatan dan asing berstatus ‘Bio-Nexus’ akan ditawarkan pakej insentif menarik.

Meningkatkan Pewujudan Pekerjaan

Tuan Yang di’Pertua,

36. Sejumlah 1.6 juta pekerjaan telah diwujudkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi, kita turut meletakkan kepentingan tinggi kepada pewujudan

pekerjaan baru bagi memastikan kadar pengangguran kekal rendah dan memastikan siswazah dan tenaga kerja mahir memperoleh pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan mereka. Rakyat perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang memenuhi keperluan majikan. Bagi tujuan ini, latihan berfungsi (“functional training”) akan disediakan bagi membekalkan kemahiran spesifik kepada tenaga kerja supaya mereka kekal relevan dengan keperluan industri.

37. Setiap tahun, diunjurkan seramai 220,000 orang akan memasuki pasaran tenaga kerja. Seramai 44,000 daripada mereka memiliki kelulusan tertiar yang meletakkan cabaran besar kepada negara untuk menyediakan peluang kerja bagi kumpulan tersebut. Cabaran kritikal yang perlu ditangani adalah sikap tenaga kerja tempatan yang tidak bersedia menyertai sektor-sektor kerja di paras rendah. Keadaan ini memaksa negara bergantung kepada sumber tenaga kerja asing. Ketika ini, terdapat 1.8 juta tenaga kerja asing yang berdaftar. Keadaan ini telah meletakkan negara menghadapi satu masalah sosial yang baru. Kerajaan sedang menyusun program yang akan merangkumi bina semangat dan jasmani serta penerapan nilai-nilai murni yang dapat membina jatidiri bagi mengubah paradigma minda dan sikap remaja Malaysia terhadap pekerjaan.

Menjadikan Sektor Swasta Peneraju Pembangunan Ekonomi

38. Penyertaan PKS dalam aktiviti ekonomi perlu ditingkatkan. Walaupun melebihi 90 peratus daripada bilangan syarikat komersial, PKS hanya menyumbang 46 peratus daripada keluaran negara. Dengan sokongan sewajarnya, PKS berupaya meningkatkan penglibatan ekonominya secara lebih berkesan. Inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk menambah baik akses kepada pembiayaan melalui Bank SME serta penyediaan pembiayaan modal teroka bagi PKS baru. Program khusus akan diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi jalinan dan kerjasama antara PKS dengan syarikat besar domestik dan multinasional (MNC). Usaha akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan keusahawanan dan keupayaan teknikal PKS.

39. Kerajaan dan sektor swasta perlu bekerja erat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Pelaksanaan program penswastaan sejak dua dekad lalu telah menyediakan satu landasan kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta. Program penswastaan turut menyumbang kepada peningkatan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi dan seterusnya menjadikan sektor swasta peneraju pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, beberapa aspek dalam program penswastaan akan diperkemas dan diperbaiki bagi menjadikannya lebih berkesan.

40. Perubahan yang akan dibuat termasuk memberi tumpuan kepada projek yang dicadangkan oleh Kerajaan berdasarkan keutamaan pembangunan nasional. Inisiatif pembiayaan swasta (PFI) akan diperkenalkan sebagai pendekatan baru di bawah program penswastaan. Kerajaan bercadang untuk memperluas pelaksanaan projek PFI dalam tempoh Rancangan untuk merangsang lagi pelaburan sektor swasta dalam negara menerusi pembangunan prasarana dan utiliti. Pendekatan ini juga akan membantu merangsang industri binaan yang selama lima tahun telah menguncup.

41. PFI akan digunakan dalam dua keadaan. Pertama, PFI dapat memudahkan pelaksanaan projek Kerajaan dengan lebih cekap dan menyeimbangkan perkongsian risiko dan ganjaran antara Kerajaan dengan pihak swasta. Kedua, PFI boleh digunakan dengan Kerajaan memberi bantuan untuk meningkatkan daya maju projek sektor swasta yang dikategorikan sebagai strategik atau dalam bidang yang dipromosikan. Antara projek yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan yang boleh dilaksanakan menggunakan kaedah PFI termasuk perkhidmatan pengangkutan awam dan pembangunan infrastruktur pendidikan. Dengan pelaksanaan yang teliti, PFI akan mengurangkan kos pemilikan aset yang perlu ditanggung oleh Kerajaan serta mempergiatkan pelaburan sektor swasta bagi tujuan pembangunan kawasan dan wilayah yang dikenalpasti.

Memperluas Pasaran Bagi Produk dan Perkhidmatan Malaysia

42. Untuk terus berdaya saing, inisiatif untuk memperluas pasaran bagi produk dan perkhidmatan

Malaysia akan diperhebat dengan mengukuhkan kedudukan dalam pasaran tradisional dan menerokai pasaran baru. Inisiatif liberalisasi di bawah WTO dan AFTA serta perdagangan bebas dua hala yang sedang diusahakan dengan beberapa negara di Asia Timur, Asia Selatan dan Asia Pasifik akan memperluas jangkauan global dan memberi peluang tambahan kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia.

Tuan Yang di'Pertua,

Teras Kedua: Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'

43. Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan.

44. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama. Tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama akan dilaksanakan:

- Pertama, Meningkatkan Keupayaan dan Penguasaan Ilmu Pengetahuan
- Kedua, Memperkukuh Keupayaan Sains, R&D dan Inovasi
- Ketiga, Memupuk Masyarakat Berbudaya dan Miliki Kekuatan Moral

Meningkatkan Keupayaan dan Penguasaan Ilmu Pengetahuan

a. Meningkatkan Akses Kepada Pendidikan dan Latihan Berkualiti di Semua Peringkat

45. Lebih banyak peluang pendidikan di peringkat prasekolah, pendidikan rendah dan pendidikan menengah yang dilengkapkan dengan kemudahan lebih baik akan disediakan. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan membina 180 buah sekolah rendah dan 229 sekolah menengah dan sekolah berasrama penuh. Sekolah daif terutama di Sabah dan Sarawak akan diganti. Dalam pada itu, Kerajaan sedar bahawa 1,598 sekolah di Malaysia masih tidak mempunyai bekalan air awam dan 809 sekolah tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam. Justeru itu, sebanyak 1.15 bilion ringgit diperuntukkan untuk memperbaiki dan menambahbaikkan kemudahan sekolah luar bandar, khususnya di Sabah dan di Sarawak.

46. Bagi pendidikan peringkat tertiar, Universiti Darul Iman di Terengganu dan Universiti Darul Naim di Kelantan serta beberapa politeknik akan dibina. Kerajaan juga akan meningkatkan kemudahan latihan kemahiran dengan membina beberapa Kolej Komuniti, Pusat Giat MARA dan Pusat Teknologi Lanjutan.

47. Langkah-langkah juga akan diambil untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar sekolah, terutamanya pelajar luar bandar. Penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekolah luar bandar, termasuk kemudahan ICT, akan ditekankan. Pendidikan dan latihan guru pula ditekankan untuk melahirkan guru-guru berkualiti, mahir, bertanggungjawab dan bangga menjadi pendidik. Maktab-maktab perguruan akan dinaiktaraf menjadi Institut Pendidikan Guru yang dapat menganugerah ijazah sarjana muda perguruan. Bagi keselesaan para guru, peruntukan sebanyak 690 juta ringgit disediakan untuk membina rumah guru, hampir setengah daripada peruntukan tersebut untuk rumah guru di luar bandar.

b. Menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai 'Sekolah Pilihan'

48. Sekolah merupakan tapak semaian penting bagi memupuk perpaduan negara dan menyemai semangat integrasi nasional. Kita perlu memastikan berlakunya keseimbangan komposisi kaum di kalangan murid dan guru di sekolah kebangsaan. Pelbagai langkah perlu dilaksanakan ke arah memperkasa sekolah kebangsaan supaya ianya menjadi sekolah pilihan semua kaum. Kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan akan ditingkatkan. Kurikulum dan aktiviti kokurikulum akan dikaji untuk memastikan ia menyediakan asas kukuh bagi pembangunan kompetensi asas dan bersesuaian dengan kehendak semasa. Mata pelajaran bahasa seperti Mandarin dan Tamil akan diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif.

49. Usaha memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan juga merangkumi langkah-langkah untuk menjadikan semua sekolah kebangsaan sedia ada sebagai 'bestari'. Bagi tujuan ini, sebanyak 284 juta ringgit diperuntukkan untuk Program Pembestarian Sekolah dan 1.51 bilion ringgit untuk Program Pengkomputeran Sekolah. Peluang pendidikan bagi kanak-kanak istimewa dan yang mengalami masalah pembelajaran akan juga ditingkatkan.

c. Meningkatkan Tahap Kemahiran Teknikal dan Vokasional

50. Keupayaan dan keberkesanan latihan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran akan ditingkatkan dengan membanyakkan institusi latihan awam, menambah kursus lanjutan dalam bidang-bidang teknikal, mengukuhkan sistem piawaian dan kualiti pendidikan teknikal, serta menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam bidang latihan teknikal. Pengambilan pelatih teknikal akan bertambah dua kali ganda dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional. Kurikulum teknikal akan diperbaiki dengan kerjasama dan input industri.

d. Melahirkan Institusi Pengajian Tinggi Bertaraf Antarabangsa

51. Langkah untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan tertiar akan terus dilaksanakan. Institusi pengajian tinggi tempatan akan ditanda aras mengikut piawaian antarabangsa. Kualiti ahli akademik akan dipertingkatkan merangkumi ketokohan, kepakaran dan komitmen. Negara mensasarkan 60 peratus daripada jumlah tenaga akademik memiliki ijazah Doktor Falsafah menjelang tahun 2010. Bagi memperkukuh keupayaan penyelidikan di universiti tempatan, jalinan kerjasama dengan institusi terkemuka antarabangsa dan juga swasta akan dilaksanakan. Institusi pengajian tertiar juga hendaklah meneliti kursus-kursus yang ditawarkan sejajar dengan keperluan semasa sumber manusia.

Memperkukuh Keupayaan R&D, Sains dan Inovasi

52. Kerajaan amat komited untuk meningkatkan keupayaan R&D, keupayaan saintifik dan keupayaan inovasi. Negara tidak mungkin menjadi negara maju tanpa kapasiti sains dan teknologi yang ketara. Perbelanjaan sektor awam bagi aktiviti R&D diperuntukkan 3.9 bilion ringgit, ditingkatkan dua kali ganda berbanding peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kerajaan akan terus berusaha untuk mencapai sasaran perbelanjaan R&D negara sebanyak 1.5 peratus daripada KDNK menjelang tahun 2010. Penyelidikan asas bagi maksud memperkembang dan mendalami ilmu akan digalakkan. Bagi meningkatkan impak daripada perbelanjaan R&D, kita akan menyenaraikan fokus utama dan menyepadukan usaha R&D serta memberi perhatian yang lebih terhadap pengkomersialan penemuan R&D. Sehubungan ini, Kerajaan akan memperkenalkan Tabung Sains dan Tabung Tekno bagi mempermudah akses kepada sumber kewangan.

53. Tumpuan akan diberi untuk mengeluarkan lebih ramai penyelidik, saintis dan jurutera (RSE) dengan meletakkan sasaran 50 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2010. Bagi mencapai sasaran ini, Program Pembangunan Sumber Manusia S&T berjumlah 500 juta ringgit akan ditubuhkan. Sebagai langkah permulaan, Program *Brain Gain*, program untuk melibatkan atau menarik ke Malaysia para penyelidik, saintis dan jurutera yang cemerlang, termasuk warganegara Malaysia di luar negara, akan dilancarkan.

Memupuk Masyarakat Berbudaya dan Memiliki Kekuatan Moral

54. Masyarakat “berminda kelas pertama” adalah masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Masyarakat tersebut juga tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya. Identiti nasionalnya kekal terserlah melalui pembinaan jati diri yang kukuh dan tidak mudah dihanyutkan oleh arus globalisasi. Prinsip-prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan kesetiaan kepada Raja dan negara senantiasa dijunjung. Semangat Islam Hadhari yang menekankan kepada pegangan prinsip-prinsip berasaskan nilai-nilai universal yang luhur, akan diterapkan.

55. Penglibatan langsung rakyat dalam aktiviti budaya, kesenian dan warisan akan turut menyumbang kepada pembangunan insan yang holistik, di samping membantu mengukuhkan perpaduan negara. Kerajaan akan berusaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai peranan budaya, kesenian dan warisan dalam kehidupan harian, di samping mempromosikan industri budaya dan kesenian negara.

Memperkasa Belia dan Wanita

56. Belia merupakan aset, sumber berharga negara. Merekalah yang akan mewarisi pimpinan untuk meneruskan hala tuju warga. Rancangan yang digubal ini, Misi Nasional dan Wawasan 2020 adalah satu persiapan untuk diwariskan kepada mereka. Apresiasi para belia dan penghayatan mereka terhadap Misi Nasional bagi mencapai Wawasan 2020 perlu dipupuk. Bakat kepimpinan mereka perlu diasuh dan diasah. Mereka harus dibawa bersama dalam usaha pembangunan negara di peringkat perancangan, kepimpinan dan pelaksanaan. Kepimpinan belia dan pertubuhan belia haruslah memenuhi cita rasa belia. Badan-badan belia hendaklah menjadi forum bagi para belia menyuarakan aspirasi generasi mereka. Untuk itu kepimpinan dan keanggotaan pertubuhan-pertubuhan belia sewajarnya diserahkan kepada generasi belia. Kerajaan kini dalam proses menggubal Akta Belia Negara untuk dijadikan kompas panduan hala tuju belia di negara ini.

57. Malaysia sentiasa menghormati prinsip kesaksamaan gender. Wanita telah menunjukkan keupayaan cemerlang apabila diberikan peluang yang saksama; sememangnya wanita tetap mempunyai tempat di dalam semua arena pembangunan negara. Sumbangan wanita terhadap usaha pembangunan hendaklah dilihat secara menyeluruh. Wanita yang tidak bekerja sepenuh masa, wanita yang membantu urusan keluarga, wanita yang memilih menjadi suri rumah sepenuh masa; mereka sebenarnya memberikan sumbangan besar dari sudut ekonomi dan sosial, dari aspek pembangunan keluarga dan pembangunan insan. Kerajaan akan terus memudahkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja, termasuklah menyediakan lebih banyak peluang latihan, menggalakkan waktu kerja fleksibel dan juga mewujudkan ‘special window’ dalam program pembiayaan perniagaan sedia ada. Kerajaan juga akan terus mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada yang mempunyai potensi untuk mendiskriminasikan wanita.

Tuan Yang di’Pertua,

Teras Ketiga: Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi Secara Membina dan Produktif

58. Serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dilahirkan setelah mengambil pengajaran daripada peristiwa 13 Mei. Peristiwa pahit tersebut berpunca daripada keresahan hubungan antara “kumpulan berada” dengan “kumpulan kurang berada” serta ketegangan hubungan antara kaum kerana agihan kemakmuran ekonomi yang tidak seimbang. Dasar tersebut bertujuan menangani jurang sosioekonomi melalui pertumbuhan ekonomi yang semakin membesar, tanpa menafikan hak mana-mana kumpulan. Dengan pelaksanaan dasar tersebut, ketidakseimbangan di dalam negara mula ditangani. Kemajuan kelihatan dicapai dari segi pengurangan kadar kemiskinan, peningkatan kualiti hidup rakyat, peningkatan jumlah profesional Bumiputera, serta

perkembangan kelas menengah Bumiputera dan bukan Bumiputera.

59. Walau bagaimanapun kemajuan yang dicapai dari segi pengagihan tidak meningkat sejak awal tahun sembilan puluhan dengan bermulanya proses liberalisasi, dan mula merosot apabila negara dilanda krisis kewangan 1998. Ketidakeimbangan dari segi pendapatan, terutama antara kaum, antara yang kaya dengan yang miskin, serta antara kawasan bandar dengan luar bandar kembali ketara. Ini menunjukkan bahawa walaupun pembangunan ekonomi negara mampu meningkatkan tahap pendapatan dan kualiti hidup rakyat, namun ia secara sendiri tidak mampu untuk memastikan manfaat dari pembangunan tersebut dapat dinikmati oleh semua rakyat secara lebih luas dan saksama.

60. Bahawa sasaran yang ditetapkan masih belum tercapai sepenuhnya. Kita tidak boleh memejamkan mata dan berpura-pura tidak melihat realiti yang berlaku. Kita harus berani menyatakan yang benar. Keberanian menyatakan realiti secara tegas, membolehkan kita mengambil langkah pembetulan. Keadaan ketidakseimbangan ini, jika tidak ditangani, ibarat duri dalam daging, menjadi punca yang boleh menggugat perpaduan kaum dan kestabilan negara, seterusnya menggugat pembangunan ekonomi negara.

61. Justeru itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan memberi penekanan semula kepada usaha menangani keadaan ketidaksamaan sosioekonomi, atas kesedaran bahawa sasaran yang telah ditetapkan masih belum tercapai sepenuhnya. Dalam menangani isu ini, kita akan memperhalus dan memperkemas strategi kita berdasarkan keterbukaan ekonomi global dan berlandaskan pengalaman yang telah kita pelajari. Bagi menangani keadaan ketidakseimbangan pencapaian sosioekonomi dengan lebih berkesan, strategi yang akan dilaksanakan dilandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- Pertama, membasmi kemiskinan supaya tidak ada rakyat yang ditinggalkan dari arus pembangunan, dan dengan itu memperkukuh landasan sosioekonomi negara agar ekonomi nasional dapat terus dibangunkan secara mampan;
- Kedua, menjana arus pembangunan yang lebih seimbang, terutamanya di kawasan yang kurang mengalami pembangunan, dan seterusnya membuka lebih banyak peluang penyertaan dalam ekonomi negara; dan
- Ketiga, memastikan bahawa manfaat daripada pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat secara adil dan saksama.

Membasmi Kemiskinan

62. Usaha untuk membasmi kemiskinan, tanpa mengira kaum, kawasan, wilayah mahupun negeri, perlu ditingkatkan. Pembasmian kemiskinan wajib dijadikan sasaran utama dalam usaha besar menangani ketidakseimbangan pencapaian sosioekonomi negara, demi memastikan bahawa nasib warga terbelah, landasan sosioekonomi negara kukuh, perpaduan dan kestabilan negara dikekalkan, dan ekonomi negara terus dibangunkan.

63. Bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan dengan lebih berkesan, kita harus tahu secara tepat dan terperinci siapa dan di mana sasaran kemiskinan di negara ini. Untuk menambahbaik proses penyasaran, Kerajaan telah mengkaji semula ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Banyak perubahan telah berlaku dari segi struktur harga, corak perbelanjaan dan taraf hidup rakyat sejak tahun 1977 apabila PGK diperkenalkan buat pertama kalinya. Di samping membolehkan maklumat mengenai kemiskinan yang lebih tepat diperolehi, PGK yang baru akan membantu meringankan beban golongan yang nyata miskin tetapi tidak dikategorikan miskin di bawah PGK lama, contohnya golongan miskin di bandar.

64. Berdasarkan PGK baru, kadar kemiskinan dalam negara berada di tahap 5.7 peratus dan miskin tegar di tahap 1.2 peratus pada tahun 2004. Kerajaan menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus dan membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.

65. Program membasmi kemiskinan akan memberi tumpuan kepada usaha bina upaya di kalangan golongan miskin dengan menambah baik akses kepada pendidikan dan kemahiran, memupuk nilai positif serta membina keyakinan dan motivasi diri. Ini bertujuan menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah secara aktif dalam aktiviti ekonomi. Bagi menyokong penyertaan golongan miskin di dalam arus ekonomi perdana, akses kepada kemudahan pembiayaan akan dipertingkatkan dan prasarana lebih baik akan disediakan. Program khusus akan dilaksanakan bagi menangani kemiskinan di kawasan luar bandar dan bandar, di kalangan Bumiputera di Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, menyedari hakikat bahawa masih ada golongan yang tidak berdaya untuk menyertai aktiviti ekonomi secara terus, Kerajaan tetap akan memberi bantuan kewangan secara terus kepada golongan warga emas dan golongan kurang upaya serta daif.

Mencapai Pariti Pendapatan

66. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, walaupun pendapatan isi rumah purata meningkat, jurang pendapatan keseluruhan dan antara kawasan bandar dengan luar bandar terus melebar. Usaha bersepadu perlu dilaksanakan ke arah mencapai pariti pendapatan dan merapatkan jurang pendapatan. Kita menetapkan beberapa sasaran bagi mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menangani isu ini. Jurang pendapatan antara Bumiputera dengan etnik Cina akan dikurangkan daripada nisbah 1:1.64 pada tahun 2004 kepada nisbah 1:1.50 pada tahun 2010 dan antara Bumiputera dengan etnik India daripada nisbah 1:1.27 pada tahun 2004 kepada nisbah 1:1.15 pada tahun 2010. Jurang pendapatan antara luar bandar dengan bandar akan dikurangkan daripada 1:2.11 pada tahun 2004 kepada 1:2 pada tahun 2010. Kerajaan juga menetapkan sasaran untuk meningkatkan peratusan pendapatan isi rumah kumpulan penduduk 40 peratus terendah.

Memacu Pembangunan Wilayah

67. Bagi mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dengan bandar dan antara wilayah yang kurang membangun dengan wilayah yang membangun, Kerajaan akan menambah peruntukan pembangunan luar bandar serta pembangunan wilayah kurang membangun. Namun menambah peruntukan semata-mata, tidak cukup dalam era ekonomi global. Kita perlu memperkenalkan formula pembangunan yang lebih bersepadu, menyeluruh lagi dinamik. Sudah sampai masanya, pusat perkembangan dan pertumbuhan tidak harus hanya tertumpu di Lembah Klang. Justeru itu, Kerajaan akan membangunkan kawasan-kawasan pertumbuhan baru, termasuk mengambil pendekatan merentasi sempadan negeri untuk membolehkan sesuatu projek memberi manfaat kepada beberapa negeri secara serentak. Bagi tujuan ini, Koridor Utara Semenanjung yang merangkumi kawasan di negeri Perlis, Kedah, Perak Utara dan Seberang Perai; Koridor Timur yang merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur; serta Sabah dan Sarawak, akan dibangunkan.

68. Selain itu, pusat pertumbuhan baru akan dikenal pasti bagi menjana pembangunan negara seterusnya. Wilayah Ekonomi Johor Selatan akan dibangunkan secara komprehensif dan sistematik. Disamping itu, pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan menjadi satu kemudahan bagi rakyat dan merangsang pertumbuhan di kawasan berdekatan, merangkumi Pulau Pinang, Kedah dan Perak Utara, serta memangkinkan kegiatan-kegiatan ekonomi, terutama kepada para pedagang yang mendapat manfaat daripada kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan kargo udara.

69. Pembangunan kawasan secara bersepadu akan dilaksanakan bagi menyatukan kampung serta mewujudkan pusat pertumbuhan. Kerajaan akan menambah baik kemudahan prasarana dan menggalakkan pertumbuhan peluang baru ekonomi untuk menjana pendapatan dan pekerjaan terutamanya berkaitan pertanian baru, industri asas tani dan sektor perkhidmatan. Sejumlah 1.2 bilion ringgit akan dibelanjakan bagi menambah baik bekalan air ke kawasan luar bandar, 1.0 bilion ringgit bagi bekalan elektrik luar bandar, 2.7 bilion ringgit bagi pembinaan jalan raya luar bandar dan 900 juta ringgit bagi jalan kampung. Lembaga Kemajuan Wilayah baru akan ditubuhkan di Sabah dan di Sarawak bagi membangunkan kawasan pedalaman dan pusat pertumbuhan desa.

Mengurangkan Jurang Kekayaan

Tuan Yang di'Pertua,

70. Bahawa Kerajaan komited untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera. Dari segi realitinya, ia akan dapat dicapai dalam jangka masa lebih panjang. Sehubungan itu, kita memutuskan untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera menjelang tahun 2020. Program penswastaan akan terus berperanan sebagai landasan bagi membantu Bumiputera berkelayakan untuk menyertai perniagaan. Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggung jawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggung jawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan. Pemilikan kekayaan Bumiputera akan diperluas termasuk pemilikan harta kediaman dan perniagaan, terutama di kawasan bandar. Bagi tujuan ini, Perbadanan UDA akan ditubuhkan semula untuk melengkapi usaha Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera. Usaha juga akan dilaksanakan untuk menggalakkan lebih banyak pemilikan harta intelektual oleh Bumiputera.

71. Kita juga akan membantu membangunkan tanah adat dan tanah pribumi di Sabah dan Sarawak. Untuk memesatkan pembangunan masyarakat Orang Asli, satu pelan pembangunan komprehensif akan dilaksanakan. Usaha ini termasuk mewujudkan peluang penjana pendapatan menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan skim penempatan semula serta memperkenalkan program keusahawanan luar bandar.

72. Langkah sewajarnya juga akan diperkenal untuk meningkatkan pemilikan ekuiti etnik India kepada 3.0 peratus menjelang tahun 2020. Di samping menggalakkan keusahawanan, peluang latihan kemahiran untuk belia India akan ditambah dengan memberi tempat di Pusat Giat MARA dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) serta penubuhan Pusat Putra. Kerajaan juga akan terus memperbaiki keadaan dan kemudahan di kampung baru. Dengan itu, semua kaum akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada peluang-peluang ekonomi yang disediakan di bawah Rancangan ini.

Menstruktur Semula Pola Pekerjaan

73. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan berusaha untuk memastikan bahawa pola pekerjaan ("employment pattern") benar-benar mencerminkan komposisi kaum masyarakat Malaysia. Sektor swasta hendaklah secara bersama memainkan peranan memacu penyertaan Bumiputera dalam sektor-sektor yang masih kurang disertai oleh Bumiputera. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan sektor-sektor yang kurang disertai oleh bukan Bumiputera akan dilaksanakan secara lebih tegas lagi. Kemajuan dalam usaha penstrukturan semula sektor pekerjaan akan dipantau dengan cermat dan menyeluruh.

Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Generasi Baru

74. Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan diteruskan dalam memenuhi agenda menyusun semula masyarakat dan memastikan penyertaan lebih bererti Bumiputera dalam sektor ekonomi. Fasa Kedua program MPPB akan dilancarkan; bertujuan untuk membangunkan usahawan Bumiputera yang berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing serta PKS Bumiputera yang mantap. Bagi menambah baik pelaksanaan program MPPB, keupayaan agensi amanah, GLC dan koperasi akan ditingkatkan. Penglibatan usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru akan digalakkan. Program pembangunan francais dan vendor akan diperkukuhkan. Pendekatan lebih sistematik dan berfokus akan diguna pakai ke arah pembangunan usahawan luar bandar, khususnya PKS asas tani dan PKS kraftangan.

Mencapai Pembangunan Lebih Seimbang dan Bermakna

75. Untuk merealisasikan pembangunan yang lebih seimbang supaya manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh setiap warga secara lebih saksama, komitmen yang tinggi harus wujud antara pihak Kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan serta setiap warga Malaysia. Langkah-langkah yang akan diambil bagi mewujudkan keseimbangan sosioekonomi tidak pernah bermaksud mengambil alih kekayaan yang sedia ada daripada mana-mana pihak. Sebaliknya, ia bertujuan mengembangkan dan mengagihkan semula pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang secara beransur, melalui penyertaan secara aktif dan langsung semua pihak dalam proses penjanaaan pertumbuhan ekonomi.

76. Kajian menunjukkan bahawa dengan mengambil langkah-langkah yang saya nyatakan tadi, termasuk langkah-langkah pengagihan, menjelang tahun 2010, pendapatan isi-rumah akan dapat dipertingkatkan sebanyak 25 peratus secara purata dari tahap hari ini. Dalam erti kata lain, semua kaum akan menikmati peningkatan pendapatan mereka. Apa yang perlu ditekankan adalah hakikat bahawa dengan melaksanakan dasar pengagihan, bukan sahaja Bumiputera, malah kaum-kaum lain turut menikmati manfaatnya.

77. Namun Kerajaan sedar bahawa dasar dan program pengagihan harus dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan baik supaya berlaku adil kepada semua pihak kerana pelaksanaan yang kurang baik dan pemantauan yang kurang berkesan memungkinkan berlakunya ketirisan dan penyelewengan, lalu manfaat dasar tersebut akan hanya dinikmati oleh sekumpulan kecil sahaja. Keadaan ini sama sekali tidak harus dibenarkan berlaku. Dalam merealisasikan pembangunan ekonomi yang lebih seimbang dan bermakna, kita harus menerima hakikat bahawa dasar pembangunan yang tidak memberi peluang penyertaan secara bermakna kepada semua golongan, terutama golongan majoriti, adalah satu dasar yang tidak "viable" dalam jangka masa panjang.

78. Dengan itu, Kerajaan komited untuk melaksanakan dasar dan program pengagihan dengan adil, baik lagi berkesan. Kerajaan akan memastikan bahawa struktur serta proses pelaksanaan dan pemantauan diwujudkan segera supaya impak daripada dasar dan program dapat dilihat dalam tempoh terdekat. Merealisasikan pembangunan yang lebih seimbang dan bermakna adalah satu amanah untuk menjamin keadilan sosial dan memupuk keharmonian rakyat. Amanah ini perlu dilaksanakan dengan ikhlas, dengan tegas lagi berani supaya landasan ekonomi lebih kukuh dan kompetitif dapat dibina bagi mencapai cita-cita membina masa hadapan negara-bangsa yang lebih cerah bagi generasi sekarang dan generasi akan datang.

Tuan Yang di'Pertua,

Teras Keempat: Meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup

79. Bahawa kemajuan sesebuah negara turut dinilai berdasarkan kualiti hidup warga. Kerajaan akan terus memastikan seluruh warga mendapat manfaat daripada program pembangunan dan hasil kemakmuran negara. Bahawa pembangunan akan menjadi lebih bermakna sekiranya kita berjaya melakukan agihan kemakmuran secara saksama hingga dapat meningkatkan kualiti hidup warga.

Memenuhi Keperluan Perumahan dan Menambah Baik Perkhidmatan Perbandaran

80. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, bilangan rumah yang dibina mengatasi sasaran. Kualiti rumah kos rendah turut bertambah baik. Kita akan terus memastikan penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu untuk dimiliki atau disewa oleh warga Malaysia terutama di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Kerajaan akan membina kira-kira 43,800 unit rumah kos rendah melalui Program Perumahan Rakyat. Usaha ini akan diperengkap dengan pembinaan kira-kira 29,000 rumah kos rendah dan kos sederhana rendah oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Pihak swasta

hendaklah bersama membantu usaha Kerajaan dengan turut membekalkan rumah kos rendah melalui projek pembangunan bercampur.

81. Usaha terus dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan perbandaran dengan menyusun semula Pihak Berkuasa Tempatan dan mengguna pakai sistem KPI bagi memantau prestasi perkhidmatan. Pihak Berkuasa Tempatan berperanan penting memantau keadaan persekitaran yang bersih dan mesra alam supaya kondusif kepada kehidupan dan kegiatan ekonomi warga. Keadaan persekitaran yang kondusif, bersih dan mesra alam di kawasan kediaman dan perniagaan akan secara langsung membantu pembentukan minda kelas pertama di kalangan warga. Pihak Berkuasa Tempatan berperanan penting membantu menjayakan agenda nasional negara dari segi menyediakan premis dan ruang niaga Bumiputera secara teratur dan menarik. Penggunaan sistem ICT juga akan diperluas untuk meningkatkan kecekapan pengendalian. Kerajaan juga akan melaksanakan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan. Dasar Perbandaran Nasional akan digubal untuk membantu perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan perbandaran.

Menambah Baik Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

82. Usaha penambahbaikan status kesihatan penduduk akan diutamakan untuk melahirkan masyarakat yang cergas dan cerdas. Kemudahan sedia ada akan dinaikkan taraf manakala kemudahan baru akan dibina bagi menyediakan pakej perkhidmatan yang komprehensif termasuk membina 8 hospital baru, menggantikan 14 hospital usang dan membina beberapa pusat pakar. Bilangan klinik bergerak akan ditambah terutamanya untuk mempertingkatkan penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar. Perkhidmatan penjagaan kesihatan primer, sekunder dan tertiar akan digabung melalui satu sistem rujukan yang cekap dan berkesan, bagi menyediakan sistem yang bersepadu. Menyedari terdapat kekurangan meruncing pelbagai kategori anggota perubatan dan kesihatan, satu pelan tindakan sumber manusia akan dirangka dan sebanyak 1.0 bilion ringgit diperuntukkan kepada pembangunan sumber manusia dalam penjagaan kesihatan.

Menambah Baik Kemudahan dan Prasarana Pengangkutan

Tuan Yang di'Pertua,

83. Sistem pengangkutan awam berkualiti yang dapat memenuhi keperluan warga adalah salah satu ciri negara maju. Kesesakan jalan raya disebabkan kapasiti jalan yang terhad dan kejadian kemalangan jalan raya yang tinggi amatlah tidak produktif kepada negara. Ini ditambah pula dengan peningkatan harga bahan bakar petroleum dan keadaan harga yang tidak menentu. Kerajaan memiliki kesungguhan politik untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam secara berkesan. Penubuhan 'Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam' adalah antara langkah awal yang telah dirintis.

84. Sistem komuter, LRT dan monorel yang diperkenalkan merupakan satu pelaburan yang terbukti berkesan. Namun ia perlu diperlengkap dengan pelaksanaan secara bersepadu, komprehensif dan jaringan lebih meluas supaya menjadi sistem pengangkutan pilihan utama. Perkhidmatan ini perlu diperkemas dengan sistem 'feeder' yang lengkap, menepati waktu perjalanan, meningkatkan kekerapan dan mengurangkan waktu menunggu. Perancangan pengangkutan perlu diselaraskan dengan pertumbuhan kawasan penempatan baru, pusat dan kompleks komersial yang baru, pembinaan prasarana awam yang baru serta pertumbuhan dan kepadatan penduduk.

85. Sebuah suruhanjaya nasional akan ditubuhkan untuk mengawal selia sistem pengangkutan awam, sementara sebuah suruhanjaya khusus akan ditubuhkan bagi kawasan Lembah Klang. Terminal pengangkutan bersepadu di Gombak dan Bandar Tasik Selatan akan dibina sebagai hab transit ke Kuala Lumpur. Kerajaan juga akan melaksanakan beberapa projek utama di seluruh negara, termasuk Monorel Pulau Pinang dan Lebuhraya Hubungan Penyuraian Timur di Johor.

86. Kerajaan juga akan meneruskan pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada untuk

meningkatkan akses kepada kawasan kurang membangun, terutamanya bagi menghubungkan pusat pertumbuhan wilayah dengan kawasan yang mempunyai potensi untuk pelancongan.

Menjamin Bekalan Tenaga yang Mampan

87. Bekalan tenaga bermutu dan mencukupi adalah satu keperluan pembangunan negara. Rakyat harus sedar betapa berharga dan sukar didapati sumber tenaga. Budaya menggunakan tenaga secara cermat perlu dipupuk. Reka bentuk bangunan harus mengambilkira kadar penggunaan tenaga secara minimum tetapi berupaya memenuhi keperluan optimum. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga (“energy efficiency”) di seluruh negara bagi mengurangkan pembaziran sekaligus mempertingkatkan lagi pembekalan tenaga mencukupi (“energy sufficiency”). Kerajaan juga berazam untuk mengurangkan pergantungan kepada keluaran petroleum melalui peningkatan penggunaan bahan api alternatif termasuk biofuel dan biodiesel serta sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Mempertingkatkan Sistem Pembekalan Air dan Menangani Banjir

Tuan Yang di’Pertua,

88. Air adalah sumber kehidupan yang amat penting. Apa yang sedang berlaku kepada sumber air di negara ini amatlah menyentuh hati saya – ianya sangat menyedikan. Pencemaran yang berlaku telah membunuh kehidupan di air. Sungai pada satu ketika dahulu kaya dengan kehidupan seperti ikan, udang dan tuntong yang menjadi sumber bekalan protein memenuhi keperluan manusia. Segala-galanya telah pupus. Kejernihan air sungai menjadi keruh dan kini berbau busuk.

89. Segala bala ini adalah balasan bumi kepada perbuatan zalim manusia yang diperlihatkan oleh ILAHI. Tabiat buruk manusialah yang menjadi pencetus kepada bala yang mungkin terpaksa kita hadapi. Aktiviti membalak yang berlebihan, pencerobohan ke kawasan tadahan air, kerakusan manusia yang tamak kebendaan, perbuatan membuang sampah sarap ke sungai dan longkang, adalah antara puncanya. Tuhan telah merahmatkan bumi ini dengan hujan sepanjang masa dan sungai-sungai yang mengalir dari bukit ke lembah. Insafilah akan betapa perlunya anugerah ILAHI ini dihormati dan dipelihara baik. Lihatlah penderitaan yang dihadapi oleh ramai penduduk dunia yang ketandusan air. Jika kita tidak berhati-hati, negara kita akan mengalami krisis air dalam tempoh yang tidak terlalu lama. Untuk itu, kita seharusnya menguruskan sumber air secara lebih cekap dan bertanggungjawab.

90. Dengan itu, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti, liputan serta jaminan bekalan air. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan mengawalselia mutu bekalan air di seluruh negara bagi menjaga kepentingan pengguna. Prasarana bekalan air akan dibina dan dinaikkan taraf. Antara projek utama yang akan dilaksanakan termasuk Projek Penyaluran Air Mentah antara Negeri dari Pahang ke Selangor, Skim Bekalan Air Triang dan Batu Hampar di Negeri Sembilan, Sandakan Fasa 2 di Sabah dan Loji Rawatan Air Langat Fasa 2 di Selangor. Kerajaan akan turut memperuntukkan 1.48 bilion ringgit bagi pemulihan rangkaian pengagihan bagi mengurangkan kadar air tidak terhasil daripada 38 peratus pada tahun 2005 kepada 30 peratus menjelang tahun 2010.

91. Usaha berterusan akan turut diambil bagi mengurangkan ancaman banjir di seluruh negara. Pembangunan di Koridor Timur dan wilayah lain tidak mungkin berhasil tanpa usaha menangani masalah banjir. Kerajaan akan membelanjakan hampir 4 bilion ringgit bagi projek tebatan banjir, berbanding 1.79 bilion ringgit dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Selain itu, langkah mencegah banjir akan juga dilaksanakan menerusi kawalan penggunaan tanah serta sistem bersepadu jangkaan, amaran dan respons yang cekap.

Memastikan Pemuliharaan Alam Sekitar

dan Pengurusan Sumber Secara Mampan

92. Alam semula jadi di negara kita adalah satu lagi rahmat anugerah ILAHI. Ia adalah sumber kekayaan yang dapat memenuhi keperluan manusia dan keperluan makhluk ciptaan ILAHI. Ia dapat memenuhi keperluan pemakanan dan perubatan. Keindahan pantai dan laut, bukit dan sungai, hutan tropika dengan flora dan fauna adalah khazanah negara yang mempunyai nilai tinggi dari segi eko-pelancongan. Amatlah mendukacitakan, keindahan alam semulajadi dimusnahkan oleh perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab, dari kalangan mereka yang rakus meraih kekayaan diri untuk jangka pendek. Berlakulah kerosakan, pemusnahan dan pencemaran. Maka pupuslah khazanah negara, hilanglah anugerah kurniaan ILAHI. Segala yang telah berlaku perlu dijadikan pengajaran untuk digariskan sempadan.

93. Untuk itu Kerajaan bertanggungjawab memastikan keseimbangan antara keperluan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar, dengan meningkatkan penguatkuasaan serta langkah pencegahan dan rawatan. Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah membersihkan, memulihara dan mengindahkan sungai dengan peruntukan 510 juta ringgit, pengurusan pantai sebanyak 350 juta ringgit, penanaman semula hutan sebanyak 200 juta ringgit dan pengurusan hidupan liar dan kawasan dilindungi sebanyak 70 juta ringgit.

Membangunkan Sukan

94. Sukan berperanan penting dalam memperkukuh keharmonian dan perpaduan negara, memupuk semangat patriotisme dan membangunkan masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing. Malaysia akan terus mempromosikan sukan massa dan sukan berprestasi tinggi. Kita akan memberi penekanan ke arah menyemai budaya bersukan di kalangan warga di samping berusaha mencapai kecemerlangan sukan di peringkat antarabangsa. 13 Kompleks Sukan Komuniti akan dibina. Sektor swasta amat digalakkan untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi dan membiayai program-program sukan dan rekreasi.

Menjamin Pertahanan Negara dan Ketenteraman Awam

95. Keselamatan negara dan ketenteraman awam sangat mempengaruhi iklim politik dan iklim ekonomi. Negara yang bebas daripada ancaman dalam dan luar dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan menjamin kestabilan politik. Kadar jenayah di dalam negara akan ditangani dengan berkesan. Langkah memperbaiki keberkesanan perkhidmatan polis, amat diberikan perhatian. Demikian juga pentingnya dipertingkat dan dimodenkan mekanisme pertahanan negara supaya kemerdekaan negara kekal berdaulat. Di samping peranan utama anggota tentera dan pasukan polis, seluruh warga diseru bersama membantu menjamin kestabilan sebuah negara Malaysia yang kukuh bersatu – teguh berpadu. Pihak media, parti-parti politik, badan-badan bukan kerajaan serta orang perseorangan perlulah prihatin akan isu-isu sensitif berhubung agama, kaum, budaya dan bahasa; serta tidak juga mencetus isu sensasi yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan Yang di'Pertua,

Teras Kelima: Mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara

96. Misi Nasional beserta Rancangan Malaysia Kesembilan dirangka berasaskan input, pandangan dan maklumbalas pelbagai pihak. Perancangan yang dibuat mungkin belum sempurna, dan akan terus diperbaiki. Namun apa yang lebih penting ialah pelaksanaan yang bersungguh, cekap lagi berkesan. Rakyat mahu melihat keazaman politik dan ketegasan Kerajaan melaksanakan Rancangan ini, sebagai langkah pertama Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

97. Maka menjadi tugas Kerajaan untuk menyusun jentera pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang

lebih efektif. Menjadi tanggungjawab Kerajaan membinaupaya jentera tersebut dengan pembangunan modal insan kelas pertama. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahbaik dan meminda peraturan serta undang-undang sedia ada, agar dapat memudahkan pembangunan dan mengurangkan halangan.

98. Dengan itu, Kerajaan meletakkan pengukuhan institusi-institusi negara serta peningkatan keupayaan pelaksanaan sebagai teras kelima Misi Nasional. Kerajaan akan mengambil langkah penambahbaikan dari segi struktur organisasi; dari segi kemudahan dan persekitaran kerja; dari segi mutu tenaga pekerja; dan dari segi rangka peraturan dan undang-undang. Dengan langkah-langkah demikian, Kerajaan berazam untuk memperbaiki prestasi perkhidmatan agensi barisan hadapan Kerajaan serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan swasta terutamanya di kalangan GLC.

99. Sebagai langkah khusus bagi memantapkan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian negara, sukacita saya memaklumkan di Dewan ini bahawa struktur dan hala cara Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan disusun semula untuk memberi penumpuan kepada pelaksanaan program dan projek dan memastikan terdapat sistem penyampaian yang berkesan. Saya juga bercadang untuk menubuhkan dua Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN2); satu untuk memantau projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang mempunyai impak tinggi bagi rakyat; dan badan kedua bagi memantau program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Generasi Baru (MPPB2). Kedua-dua Badan Bertindak ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan keanggotaan yang disertai oleh Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri berkaitan serta Ketua Setiausaha Negara. Badan-Bandak Bertindak tersebut akan disokong oleh sebuah Direktorat Pelaksanaan Negara (DPN) yang akan dianggotai oleh pakar-pakar dalam pengurusan program dan projek.

100. Selain itu, pembangunan modal insan dalam perkhidmatan Kerajaan akan digiatkan lagi. Institusi dalam dan luar negara akan terlibat dalam usaha pendidikan dan latihan. Sementara itu, peraturan dan undang-undang yang melewati pembangunan akan dikaji semula dan dipinda. Untuk itu, sebuah Jawatankuasa Bertindak Sektor Awam-Sektor Swasta akan ditubuhkan bagi mengemukakan cadangan pindaan kepada peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

101. Saya ingin mengingatkan bahawa kejayaan pelaksanaan bukan sahaja bergantung kepada usaha sektor awam; institusi-institusi lain seperti sektor swasta, masyarakat sivil, Parlimen dan pihak media, semuanya memainkan peranan penting. Sesungguhnya, gabungan keupayaan setiap institusi tersebut akan menentukan tahap pencapaian negara baik dari segi peningkatan ekonomi mahupun kemajuan sosial.

Tuan Yang Dipertua,

102. Saya menekankan sekali lagi bahawa jentera pelaksanaan negara perlu diasaskan kepada sifat amanah dan integriti dalam meningkatkan akauntabiliti dan tahap urus tadbir di dalam negara. Tanpa nilai integriti, negara tidak boleh dikatakan negara maju dalam erti kata sebenar, meskipun maju dari segi ekonomi, sosial mahupun kualiti hidup.

103. Pelan Integriti Nasional (PIN) telah digubal, mengandungi pelan dan strategi bagi membentuk masyarakat berintegriti. Pelaksanaan PIN akan diperkukuhkan. Institut Integriti Malaysia, akan mempergiatkan aktiviti pendidikan dan kesedaran mengenai integriti di sektor awam, sektor swasta dan di kalangan anggota masyarakat supaya prinsip integriti dipraktikkan dalam pekerjaan dan kehidupan harian.

104. Kita kekal tegas memerangi rasuah walaupun kita perlu menongkah arus. Patah sayap bertongkat paruh, namun hasrat tidakkan luntur. Untuk menyokong usaha ini, keupayaan penguatkuasaan akan ditingkatkan. Kerajaan bercadang meningkatkan kapasiti badan penguat kuasa dengan menambah tenaga pekerja serta bilangan peralatan bagi memenuhi keperluan. Badan Pencegah Rasuah akan

meningkatkan tahap kemahiran pegawai penyiasat dengan teknik penyiasatan terkini. Pada masa yang sama, badan-badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti akan memastikan syarikat-syarikat sektor swasta meningkatkan mutu urus tadbir korporat dan mematuhi peraturan yang berkaitan. Bagi meningkatkan kecekapan pengawalseliaan di dalam sektor korporat negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat akan bergabung dan melaksanakan hampir kesemua undang-undang berkaitan syarikat di Malaysia.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Tuan Yang di'Pertua,

105. Bagi mencapai Misi Nasional dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sebanyak 200 bilion ringgit bagi perbelanjaan pembangunan, 30 bilion ringgit lebih tinggi daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan. Di samping itu, projek bernilai 20 bilion ringgit lagi akan dilaksanakan melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Daripada jumlah keseluruhan peruntukan, 44.9 peratus akan diagih kepada projek pembangunan di bawah sektor ekonomi, 37.5 peratus sektor sosial, 10.6 peratus sektor keselamatan, dan 6.9 peratus sektor pentadbiran am.

106. Dari segi sub-sektor, pendidikan dan latihan akan diperuntukkan peratusan terbesar, 20.6 peratus, selaras dengan keazaman Kerajaan untuk meningkatkan kualiti modal insan. Sub-sektor pengangkutan akan diperuntukkan sebanyak 15.9 peratus; kemudahan awam dan tenaga, 10.9 peratus; perdagangan dan perindustrian, 9.9 peratus; pertanian, 5.7 peratus; kesihatan, 5.4 peratus; dan perumahan, 5.0 peratus. Dari segi agihan peruntukan mengikut negeri, kita telah mengambil kira keperluan untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri dan antara wilayah. Kerajaan yakin peruntukan yang disediakan berupaya merealisasikan hasrat dan matlamat Rancangan ini dengan baik.

KESIMPULAN

Tuan Yang di'Pertua,

107. Rancangan Malaysia Kesembilan membuka ruang untuk kita mengenal pasti apa yang telah kita capai, mengenal pasti kelemahan dan seterusnya untuk meletakkan kita di landasan perjalanan mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Misi Nasional menyediakan perspektif jangka panjang; dirangka bagi menghasilkan prestasi lebih baik dan meningkatkan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara.

108. Amatlah penting dipastikan pelaksanaan menepati jadual; supaya kita mendapat pulangan sebenar daripada apa yang dibelanjakan. Mekanisme pelaksanaan, mekanisme pemantauan dan mekanisme penilaian perlu diperkukuhkan. Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri bertanggung jawab memastikan, program yang dilaksanakan adalah selari dengan teras pembangunan dan mencapai objektif. Saya sendiri dengan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri akan mengetuai jawatankuasa di peringkat tertinggi bagi memantau pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

109. Komitmen dan tindakan bersama setiap pihak adalah perlu bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya menegaskan bahawa setiap warga mempunyai peranan penting dalam menjayakan usaha negara-bangsa. Sektor swasta perlu menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi sementara sektor awam sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi dan penyedia kemudahan sosioekonomi. Masyarakat sivil perlu berperanan sebagai rakan kongsi pembangunan. Sesungguhnya, usaha untuk merealisasikan aspirasi menjadi sebuah negara maju memerlukan komitmen dan kesanggupan setiap rakyat untuk bekerja keras, meningkatkan jati diri dan sentiasa memperkayakan diri

dengan ilmu pengetahuan.

110. Semoga akan tercapai hasrat membina negara yang lebih makmur – lebih maju; lebih progresif – lebih dinamik; negara yang berupaya menyediakan kualiti hidup lebih baik kepada warga. Semoga akan terbina tamadun agung yang dihormati di persada dunia. Semoga segala keikhlasan dan kegigihan mendapat keberkatan ILAHI.

111. Ya Allah, Engkaulah juga yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui atas segalanya, antara yang baik dengan yang buruk, antara yang nyata dengan yang ghaib. Lindungilah kami daripada bencana dan malapetaka – daripada kekacauan dan persengketaan, makbulkanlah doa dan usaha kami; pandulah kami dengan hidayah dari Mu untuk melakukan kebaikan dan menemui jalan yang Engkau redhai, bekalkanlah kami dengan barisan warga yang berniat ikhlas, bersifat amanah, berpekerti mulia dan bersifat jujur, bertanggungjawab membina sebuah negara yang maju – membina barisan warga yang bersatu – senantiasa memohon keredaan MU, **'Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang'**.

Tuan Yang di'Pertua, saya mohon mencadangkan

PERUTUSAN

Y.A.B. PERDANA MENTERI MALAYSIA

HARI PEKERJA 2007

Dalam era globalisasi yang mencabar ini, Malaysia memerlukan tenaga kerja yang produktif, berpengetahuan, berkebolehan dan lebih berdaya saing bagi memastikan negara mencapai kemajuan dan pembangunan sosioekonomi yang lebih mapan. Justeru, Kerajaan telah memilih tema 'Pekerja Produktif Negara Kompetitif' bagi sambutan Hari Pekerja pada tahun ini.

Tema ini adalah bertepatan dengan peranan penting setiap pekerja untuk bersama dengan Kerajaan dalam usaha memajukan negara. Kerajaan berharap tema 'Pekerja Produktif Negara Kompetitif' ini dapat dihayati oleh setiap pekerja dan majikan kerana selain membawa maksud yang mendalam, ia juga boleh dijadikan asas untuk menjadikan setiap pekerjaan dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai produktiviti yang optimum. Kemampuan negara kita untuk bersaing di pasaran global yang semakin mencabar terletak pada kualiti dan tahap produktiviti para pekerja negara kita.

Negara memerlukan pekerja-pekerja terlatih, berkemahiran dan produktif dalam berbagai bidang. Keperluan ini semakin meningkat selaras dengan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Tenaga mahir ini juga perlu dilengkapi dengan jati diri tinggi yang penuh dengan sifat-sifat jujur, amanah, berwawasan demi mengutamakan kualiti pekerjaan. Penekanan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) terhadap pembangunan modal insan khususnya tenaga kerja yang berpengetahuan dan berdaya saing, merupakan satu peralihan yang tepat pada masanya kerana Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada kos tenaga buruh yang murah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pekerja, kesatuan sekerja dan majikan di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan. Kerajaan juga menghargai kerjasama antara majikan dan kesatuan sekerja dalam mengekalkan persekitaran perhubungan perusahaan yang harmoni. Permuafakatan yang baik ini dapat menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara dan

seterusnya dapat menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia.

Saya ingin menekankan bahawa komitmen dan tindakan bersama setiap warga kerja Malaysia adalah perlu bagi memastikan keharmonian masyarakat dan kejayaan pembangunan negara demi menjayakan Misi Nasional. Sesungguhnya aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju memerlukan komitmen setiap lapisan masyarakat termasuk para pekerja untuk sentiasa bekerja keras dan memperkayakan diri dengan sifat dan sikap masyarakat yang berminda kelas pertama. Kita akan berjaya sekiranya kita terus berusaha dengan penuh keazaman dan iltizam untuk membangunkan negara bersama-sama ke arah menjadikan Malaysia yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.

Selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja Malaysia.

Pejabat Perdana Menteri
Perdana Putra
PUTRAJAYA

30 April 2007

[PUPUK INTEGRITI DALAM DIRI SENDIRI, KATA ABDULLAH]

Pupuk Integriti Dalam Diri Sendiri, Kata Abdullah

PUTRAJAYA, 6 Sept 2007 (Bernama) -- Integriti bukan hanya satu nilai atau amalan yang perlu diamalkan setiap masa bahkan nilai murni itu mesti lahir dari sanubari setiap insan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata integriti perlu dipupuk dalam diri seseorang insan sejak dari kecil lagi supaya negara dapat melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai nilai integriti yang tinggi dan ini akan membantu Malaysia berjaya dalam semua bidang.

"Yang pentingnya nilai integriti perlu bermula dari kecil lagi dengan didikan yang baik, dengan amalan yang sempurna. Bila anak-anak dididik dengan nilai ini, ibu bapa juga perlu menjadi contoh kepada anak-anak mereka... ini akan menjayakan agenda kita untuk melahirkan satu generasi yang mempunyai nilai integriti yang tinggi," katanya dalam ucapan utamanya pada Konvensyen Integriti Nasional 2007 di sini hari ini.

Konvensyen sehari anjuran Institut Integriti Malaysia itu dihadiri lebih 1,200 peserta yang mewakili setiap sektor masyarakat dari seluruh negara.

Abdullah berkata di negara Jepun contohnya, orang sangat takut dimalukan dan dengan itu mereka akan mengambil segala langkah agar tidak dimalukan oleh sesiapa.

"Malah di Jepun mereka sanggup melakukan apa sahaja supaya tidak malu atau gagal melakukan sesuatu tugas dengan betul. Jika malu, mereka tidak berfikir dua kali untuk melakukan 'harakiri' (bunuh diri).

"Tapi kita... untuk kita membunuh diri itu salah di sisi agama. Dan mengikut Islam, kita perlu bertaubat... bertaubat itu bukan di mulut tetapi di hati. Kita selalu kena tanya diri kita, betul ke

apa yang kita lakukan dan jangan sekali-kali berbohong untuk menutup kesilapan kita," katanya.

Abdullah berkata pembangunan modal insan bukan hanya bererti melahirkan satu masyarakat yang berpendidikan tinggi yang mampu menjalankan tugas dengan baik tetapi juga yang mempunyai nilai-nilai atau norma-norma yang baik termasuk integriti.

Katanya sahsiah yang mulia di kalangan rakyat Malaysia akan dapat menjamin pembangunan modal insan yang baik untuk negara.

"Tetapi saya ingin tekankan di sini bahawa integriti ini perlu lahir dari jiwa setiap insan... jika kita semua dapat melakukan ini, maka kita dapat merubah masa depan. Marilah menjadi insan yang lebih mulia.

"Jika kita semua mempunyai nilai integriti yang tinggi, maka orang lain tidak akan berani membuat benda-benda yang tidak baik. Kita akan dicontohi dan diteladani," kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata beliau tidak ingin melihat nama baik negara tercemar akibat perbuatan "seorang dua" yang tidak mempunyai nilai integriti yang baik.

"Pastikan setiap dari kita membetulkan integriti diri kita kerana dengan ini kita akan dapat mengubah keadaan dan memperbaiki lagi keadaan dalam negara," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata kerajaan akan menghalusi segala cadangan daripada 21 resolusi yang telah diluluskan pada konvensyen itu.

Sumber : [[Bernama](#)]

WUJUDKAN TAMBAH NILAI DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN - PM]

Wujudkan Tambah Nilai Dalam Pembangunan Modal Insan - PM

PUTRAJAYA, 4 Sept 2007 (Bernama) -- Tambah nilai dalam setiap usaha adalah perlu dalam proses pembangunan modal insan yang berjaya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kerana manusia (seharusnya) sentiasa mahu meningkatkan kemajuan diri, dan ini dikatakan pembangunan modal insan, pembangunan minda kelas pertama...jika tidak bangsa kita tidak akan jadi maju," katanya.

Oleh itu rakyat mesti ada usaha untuk menambah nilai diri, kemajuan diri dan ilmu pada diri mereka untuk tidak menjadi jumud, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Sistem e-Merah dan portal I Cerve U (I Serve U) anjuran Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Beliau berkata kejumudan akan membuat sesuatu tamadun itu hancur dan roboh.

Disebabkan itulah, kata Abdullah, beliau sering menekankan betapa pentingnya modal insan dibangunkan secara berterusan melampaui 2020, demi memastikan bangsa dan negara terus meningkat maju.

Contoh yang paling dekat (mengenai usaha tambah nilai ini) ialah kejayaan industri batik sekarang berbanding permintaannya yang hampir pupus sebelum ini.

"(Isterinya) Allahyarham Endon (Mahmud) sangat suka batik dan arwah mahu majukan batik maka usaha mempromosi dilakukan dengan membawa kepada menambah nilai," katanya.

Beliau berkata tambah nilai kepada rekaan batik mendapat kerjasama para pereka fesyen ternama, yang menggunakan batik yang lebih tinggi nilainya, menyebabkan batik pada masa ini diterima di peringkat antarabangsa sebagai produk Malaysia yang bernilai tinggi.

"Oleh sebab itu, harga satu helai batik untuk buat baju (kini) boleh mencecah sehingga RM1,000 terutama jika ia direka oleh seorang yang terkenal," katanya.

Abdullah yakin songket yang mendapat perhatian Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah (dan arwah isterinya juga) akan menjadi satu lagi produk Malaysia yang akan meningkatkan nilainya di pasaran dan diterima ramai.

"Jadikanlah tambah nilai ini sebagai satu budaya kita, tambah nilai pada diri, tambah nilai kepada hasil kerja, tambah nilai kepada barang-barang yang dihasilkan....dan saya percaya kita akan menjadi lebih maju lagi pada masa hadapan," katanya.

Sumber : [Bernama]

[KASIH SAYANG BOLEH LAHIRKAN MODAL INSAN BERMUTU, KATA PM]

Kasih Sayang Boleh Lahirkan Modal Insan Bermutu, Kata PM

SEREMBAN, 4 Feb 2007 (Bernama) -- Kehidupan berkeluarga perlu disuburi dengan perasaan kasih sayang antara satu sama lain bagi melahirkan modal insan yang bermutu pada masa hadapan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya ini kerana kebanyakan gejala sosial yang berlaku sekarang berpunca daripada keluarga yang bermasalah yang menyebabkan anak-anak cuba mencari jalan keluar sehingga terjebak dalam perbuatan tidak bermoral termasuk penagihan dadah.

"Kalau ditanya daripada kalangan pesalah juvana, penghuni pusat serenti atau pusat tunas harapan kelolaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, rata-rata menyatakan mereka terlibat dalam perbuatan menyalahi undang-undang ekoran masalah yang mereka hadapi dalam keluarga."

Oleh itu, Perdana Menteri berkata kekuatan dalam keluarga perlu dibina kerana "berjaya keluarga berjaya negara, maju keluarga majulah negara."

"Kemajuan yang dikecapi oleh negara sekarang tidak bermakna sekiranya modal insan yang dilahirkan tidak pengetahuan dan tidak tinggi nilai moralnya," katanya ketika melancarkan program Satu Keluarga Satu Kaunselor anjuran Biro Pembangunan Sosial Majlis Tertinggi Umno di sini.

Abdullah berkata anggota keluarga terutamanya anak-anak perlu diberi kasih sayang serta bimbingan yang secukupnya termasuk pengetahuan agama agar mereka kelak akan membesar menjadi insan yang berketerampilan dan berbudi pekerti yang mulia.

"Apabila seseorang anak itu dipanggil sebagai "kurang ajar" ini menggambarkan kegagalan ibu bapa dalam mendidik siasah anak mereka," katanya.

Beliau berkata dalam Al-Quran sendiri terdapat banyak surah yang mengajar manusia supaya bertutur secara lembut dengan anak-anak dan memanggil mereka dengan perkataan yang

menggambarkan kasih sayang seperti dalam Surah Lokman.

"Jangan..jangan..jangan sekali-kali menyumpah anak-anak dengan perkataan yang tidak baik dan bersabarlah ketika menghadapi masalah dan bagi anak-anak pula jangan sekali-kali menyergah ibu-bapa dengan perkataan yang kasar seperti Ah! atau Uh ! kerana mengeluarkan perkataan seperti itu amat dilarang oleh Islam sepertimana termaktub dalam Al-Quran," tegas beliau.

Mengenai program satu keluarga satu kaunselor itu, Perdana Menteri pada sidang akhbar kemudiannya berkata program itu merupakan satu usaha yang baik dalam menangani masalah dalam keluarga oleh anggota keluarga itu sendiri.

"Dengan adanya kaunselor dalam keluarga, masalah yang dihadapi dalam sesuatu keluarga itu akan dapat ditangani dengan baik oleh anggota keluarga itu sendiri dalam usaha mengurangkan gejala sosial yang banyak berpunca daripada masalah keluarga," katanya.

Oleh itu, Abdullah mahu program itu dilaksanakan dengan serius dan mereka yang terlibat menjalani kursus dan mempelajari teknik untuk menjadi seorang kaunselor yang baik.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Sumber : [Bernama]

Aspek Perkhidmatan



a) Menubuhkan [Institut Integriti Nasional](#) bertujuan membina upaya modal insan untuk membanteras rasuah

b) Menubuhkan Pasukan Petugas Pemudah Cara Kerajaan ([Pemudah](#)) bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian oleh jentera kerajaan.

c) Matlamat kerajaan untuk menyediakan satu perkhidmatan awam kelas pertama diantaranya menerusi [Komitmen Perkhidmatan Awam Malaysia 2008](#)

Aspek Pendidikan



(a) [Melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Pelajaran, 2006-2010](#) yang telah dirangka untuk melaksanakan dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia

(b) [Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara](#) menetapkan matlamat untuk meningkatkan kualiti

pelajar, keupayaan pensyarah, infrastruktur IPT dan membina rangkaian dengan institusi-institusi pendidikan tinggi ternama dunia.

Aspek Ekonomi



a) Melancarkan **Iskandar Malaysia (dahulunya Wilayah Pembangunan Iskandar)**, sebuah kawasan untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

b) Mewujudkan **Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER, Northern Corridor Economic Region)** yang juga merupakan kawasan pembangunan ekonomi dan sosial

c) Melancarkan **Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER, Eastern Corridor Economic Region)** sebagai sebuah kawasan yang berupaya membentuk modal insan dan pertumbuhan ekonomi yang baik.

d) Melaksanakan Program Transformasi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) - **Program Transformasi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)** adalah untuk merancang dan melaksanakan dasar polisi kebangsaan dan garis panduan yang komprehensif bagi mengubah GLC kepada entiti berprestasi tinggi, serta mewujudkan rangka institusi untuk mengurus dan menyelia pelaksanaan dasar dan garis panduan ini.

Aspek Sains, Teknologi & Inovasi



a) Pembangunan **Knowledge Workers Development Institute** bagi memastikan bekalan tenaga berkemahiran tinggi menepati permintaan industri ICT.

b) Program Pembangunan Modal Insan (HCD, Human Capital Development) dalam bidang Sains, Teknologi & Inovasi bertujuan penambah bilangan dan meningkatkan kemahiran penyelidik

Aspek Sosial



a) **Program Latihan Khidmat Negara** bertujuan membangun warga muda berdisiplin, berdaya tahan, berdaya kepimpinan dan bersifat prihatin.

b) Program memperkasa tenaga muda bertujuan membangun **belia Tiga-K** – menguasai kemahiran, kepimpinan dan keusahawanan.

c) Melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dimana badan-badan korporat membantu golongan kurang upaya dan yang memerlukan agar semua lapisan rakyat dapat menikmati taraf hidup berkualiti. Bagi warga korporat yang berjaya membawa impak positif melalui sokongan khidmat sosial dengan melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat akan di anugerah pingat **Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Perdana Menteri.**

d) **Dasar Sosial Negara (DSN)** untuk menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti dapat menyertai serta menyumbang kepada arus pembangunan negara dan menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan.

Aspek Politik



a) Melahirkan barisan pemimpin Melayu yang **berketrampilan, dikagumi, dihormati dan dipercayai.**

Aspek Kerohanian



a) Program **Islam Hadhari** bertujuan mengutamakan aspek ketamadunan umat seimbang atau apa yang dikatakan ummatan wasatan.

Prinsip Islam Hadhari

1. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah.
2. Kerajaan adil dan beramanah
3. Rakyat berjiwa merdeka
4. Penguasaan ilmu pengetahuan
5. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
6. Kehidupan berkualiti
7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
8. Keutuhan budaya dan moral
9. Pemeliharaan alam semula jadi

Petikan ucapan YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, semasa Majlis Perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2004 (23-09-2004)

Sumber: JAKIM & PMO

KONSEP ISLAM HADHARI

Pengenalan

Islam Hadhari memberi tekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban iaitu peradaban yang dicanai dengan pegangan Islam dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta pembangunan fizikal.

Mempertingkatkan mutu kehidupan adalah dengan mengamalkan sistem ekonomi, sistem perdagangan dan sistem kewangan yang dinamik, pembangunan sepadu dan seimbang bagi melahirkan umat yang berilmu dan beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur lagi amanah, serta bersedia menangani cabaran semasa dunia global.

Islam Hadhari bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas atau fundamental yang terkandung dalam Al Quran dan Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari jika ditafsir secara ikhlas dan difahami secara jelas, sama sekali tidak akan memesongkan mana-mana umat Islam dari asas akidah.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab melindungi kesucian Islam dan memastikan umat Islam tanpa tergelincir akidah akan dapat menghadapi cabaran dan realiti semasa, pintu ijtihad perlu terbuka supaya tafsiran yang diwarisi dapat dikaitkan dengan bentuk dan corak pembangunan mengikut masa dan mengikut tempat. Adalah perlu diteliti semula pelbagai pendekatan dan kaedah untuk diperkemaskan supaya lebih seimbang dan menyeluruh, merangkumi pembangunan prasarana dan pembangunan ekonomi, diperkukuhkan dengan pembangunan manusia melalui program pendidikan yang komprehensif, diperlengkap pula dengan program pembangunan rohani untuk menyemaikan nilai-nilai murni dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.

Prinsip Islam Hadhari

Islam Hadhari akan memastikan pencapaian sepuluh prinsip utama:

- I. Keimanan dan ketakwaan kepada ILAHI
- II. Kerajaan adil dan beramanah
- III. Rakyat berjiwa merdeka
- IV. Penguasaan ilmu pengetahuan
- V. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- VI. Kehidupan berkualiti
- VII. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
- VIII. Keutuhan budaya dan moral
- IX. Pemeliharaan alam semula jadi
- X. Kekuatan pertahanan

Prinsip-prinsip ini adalah menurut acuan yang diadunkan supaya amalan dan pendekatannya tidak akan menimbulkan salah faham dan kebimbangan kepada mana-mana pihak dalam sebuah negara yang komposisi rakyatnya berbilang agama dan berbilang kaum. Pendekatan yang digariskan juga adalah untuk memperkasakan umat Islam supaya berupaya menghadapi cabaran dunia semasa.

Islam Hadhari adalah Islam yang syumul atau komprehensif dengan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun yang menyeluruh – berupaya menjadi penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing umat. Warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam dalam semua bidang perlu dijadikan rujukan dan sumber inspirasi memajukan masyarakat Malaysia.

Perubahan minda umat memerlukan satu tindakan secara menyeluruh, secara drastik, secara sistematik, dan tidak bersifat sektor atau partisan. Ini memerlukan satu perubahan tasawur (pandangan global) seluruh masyarakat. Selaras dengan itu, konsep hidup sebagai pengabdian kepada Tuhan dan konsep kerja sebagai ibadah, manusia sebagai khalifah dan kewajipan mencapai kekuatan dalam semua bidang kehidupan perlu dititikberatkan, khususnya prinsip maqasid al Syariah adalah berkaitan dengan lima perkara seperti berikut:

- I. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan agama
- II. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan akal
- III. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan nyawa
- IV. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan harta
- V. Menjaga, memartabatkan dan memperkasakan keturunan

Usaha yang konsisten hingga menghasilkan kejayaan yang berterusan perlu dirancang. Segala bentuk pemikiran yang mengelirukan dan tidak bersesuaian dengan kefahaman Islam perlu dikikis supaya pemikiran dan jati diri umat dapat dibentuk. Perubahan sikap dan budaya umat memerlukan peranan berijtihad dan berjihad. Konsep jihad perlu ditafsirkan secara lebih luas, meliputi aspek kehidupan manusia seperti menuntut ilmu, menguasai sains dan teknologi serta melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi. Peningkatan kualiti (itqan) dalam semua urusan dan kegiatan kehidupan merangkumi bidang pendidikan, penguasaan sains dan teknologi serta aktiviti-aktiviti ekonomi, hendaklah dijadikan budaya. Ijtihad membina ummah dalam zaman moden ini perlu diberikan perhatian dan diberikan pengiktirafan.


Masyarakat Malaysia perlu diberikan kefahaman Islam yang membolehkan umat menghayati dan mewarisi wawasan ketamadunan global (Rahmatan Lil'alam) untuk membolehkan umat berperanan secara berkesan diperingkat global. Semangat persaudaraan (ukhuwah Islamiah) perlu dipupuk dan disemarakkan bagi menghasilkan rangkaian sosial yang mantap sebagai satu strategi ke arah meningkatkan daya saing umat. Masyarakat Malaysia perlu menghargai dan menghayati sifat berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada pihak lain. Sikap dan nilai-nilai negatif masyarakat perlu diubah kepada nilai-nilai yang terkandung di dalam tasawwur Islam.

Umat perlu dijadikan masyarakat iqra dalam hasrat mahu membina kemampuan bangsa dari segi peningkatan penguasaan ilmu, kemahiran dan kepakaran. Tuntutan Islam mewajibkan umat menguasai ilmu dalam semua bidang perlu dihayati. Perlu diperbetulkan sebarang salah faham terhadap konsep ilmu agar tidak berlaku pemisahan antara ilmu sekular dengan ilmu agama. Bahawa penguasaan sains dan teknologi serta peningkatan kemahiran dan kepakaran merupakan sebahagian dari tuntutan Islam. Begitu banyak ayat-ayat di dalam al-Quran yang menyentuh soal penguasaan sains dan teknologi, yang perlu diberikan perhatian oleh umat. Sumbangan tamadun Islam dalam sains dan teknologi yang membawa kepada kelahiran renaissance di Eropah wajib diketahui oleh semua pelajar Islam. Usaha melahirkan saintis Islam yang dapat menghasilkan penemuan-penemuan baru perlu diperbanyakan.

Dunia adalah satu perjalanan yang harus dimanfaatkan dalam proses pengabdian manusia kepada Allah SWT dengan menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah secara

sempurna, jujur, telus dan amanah. Manusia tidak mungkin berjaya memanfaatkan dunia ini dengan baik jika sikap dan pandangannya terhadap dunia tidak tepat sebagaimana mestinya, kerana alam dan fenomenanya diciptakan dan ditundukkan oleh Allah SWT untuk manusia diturunkan sebagai khalifah. Kerana itu, amatlah penting untuk umat manusia itu diperengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, supaya membolehkan manusia menguasai dunia.

Amatlah penting umat Islam dipimpin memahami dan menghayati Islam sebagai sistem kehidupan menyeluruh untuk menggerakkan pembinaan satu tamadun. Kehidupan menyeluruh yang bijak mengimbangkan tanggungjawab dunia dengan tanggungjawab akhirat. Islam bukanlah satu ritual kerana ritualisme memberi tumpuan kepada akhirat semata-mata. Kerajaan juga tidak pernah bersifat sekularisme yang menolak akhirat dan memberi tumpuan kepada dunia semata-mata. Islam mestilah dihayati sebagai sistem yang mengintegrasikan kehidupan duniawi dan persiapan ukhrawi. Allah SWT berfirman:



Yang bermaksud: "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

(Surah al-Qasas: Ayat 77)

DASAR SOSIAL NEGARA

Pengenalan

Dasar Sosial Negara (DSN) adalah satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap.

Matlamat

Dasar ini yang diluluskan oleh kabinet pada 19 Februari 2003 bermatlamat mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dari aspek sosial, ekonomi dan teknologi.

Setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri-ciri bersatu-padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Objektif

Objektif Umum

1. Menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan.

Objektif Khusus

1. Selaras dengan pernyataan matlamat dan objektif umum, Dasar Sosial Negara menggariskan empat objektif khusus yang saling melengkapi dengan menerapkan nilai-nilai murni di setiap peringkat pelaksanaannya:

- a. Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi;
- b. Membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat;
- c. Memperkukuh dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial; dan
- d. Menjana sinergi multisektor.

Strategi

Strategi-strategi bagi mencapai setiap objektif Dasar Sosial Negara adalah seperti yang berikut:

Objektif 1: Memastikan Keperluan Asas Individu, Keluarga dan Masyarakat Dipenuhi

Bagi menjamin kesejahteraan menyeluruh, hendaklah dipastikan supaya setiap individu, keluarga dan masyarakat berhak menikmati:

- a. Keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal secukupnya;
- b. Persekitaran fizikal yang sihat, bersih, selamat, dan mesra insan;
- c. Persekitaran sosial yang mengutamakan nilai-nilai murni;
- d. Peluang untuk meningkatkan kualiti hidup dari segi kesihatan, pendidikan, pekerjaan/kerjaya, keselamatan, kerohanian dan maklumat;
- e. Kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat serta hak sebagai warganegara yang dilindungi oleh undang-undang; dan
- f. Keperluan hidup yang lain sesuai dengan perkembangan semasa.

Strategi

Strategi-strategi bagi mencapai Objektif 1:-

- a. Mewujudkan pelbagai peluang dan kemudahan agar setiap individu, keluarga dan

masyarakat dapat menikmati keperluan asas kehidupan dan menyertai arus pembangunan negara.

- b. Memastikan setiap individu mendapat hak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan serta dapat menikmati keperluan asas sepanjang hayat, tidak terpinggir dan tersisih daripada arus pembangunan.
- c. Memastikan keperluan hidup yang holistik menjadi teras kehidupan setiap individu, keluarga dan komuniti.

Objektif 2: Membangun Dan Memperkasakan Insan Sepanjang Hayat

Segala tindakan adalah bertujuan membangun dan memperkasakan setiap individu tanpa membezakan kumpulan etnik, agama, budaya, gender, wilayah, fahaman politik, taraf perkahwinan dan keupayaan fizikal, serta mengambil kira kepekaan terhadap keperluan dan kehendak jantina. Ini bagi memastikan individu dapat mengguna dan mempertingkatkan sumber serta kebolehan sendiri secara optimum bagi mencapai matlamat sendiri dan masyarakat pada setiap peringkat kitaran hidup. Usaha berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan setiap individu memberi dan menerima kemesraan dan kasih sayang sepanjang hayat.

Strategi

Strategi-strategi bagi mencapai Objektif 2:-

- a. Menjamin hak janin atau kandungan untuk hidup dan berkembang dalam keadaan selamat dan sihat tanpa diganggu oleh ancaman dan eksploitasi.
- b. Mengiktiraf dan memupuk keupayaan setiap bayi dan kanak-kanak berfikir dan berperasaan serta dilindungi daripada dilabel, didiskriminasi dan dijadikan mangsa oleh anggota masyarakat.
- c. Menentukan setiap bayi dan kanak-kanak di peringkat awal (2-6 tahun) mendapat peluang meneroka persekitaran untuk menentukan perkembangan sel-sel otak secara maksimum. Ia juga bagi membantu pembinaan tubuh, peningkatan keyakinan diri serta perkembangan identiti sendiri yang sihat di dalam satu suasana dan jalinan perhubungan yang positif dalam keluarga dan komuniti.
- d. Memastikan setiap kanak-kanak menerima pendidikan wajib peringkat sekolah rendah yang mendidik kemahiran sosial dan disiplin diri serta rangsangan minda melalui kurikulum yang meningkatkan kemahiran berfikir.
- e. Menentukan setiap remaja (13-18 tahun) diberikan pengiktirafan, penghormatan, peluang serta bimbingan untuk mengenali hak-hak dan tanggungjawab dan mengamalkan peranan tertentu dalam keluarga, sekolah dan komuniti sebagai persediaan untuk memainkan peranan sebagai seorang dewasa sepenuhnya kelak.
- f. Menentukan setiap individu yang sudah menjangkau umur melebihi 18 tahun, yang mula mencapai taraf berdikari dalam aspek ekonomi tertentu, diberi sokongan, bimbingan, pengetahuan dan kemahiran untuk membuat keputusan tentang pelajaran, pekerjaan, kekeluargaan dan perhubungan sosial.
- g. Memastikan setiap individu di alam pertengahan dewasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mendapat sokongan dan bimbingan untuk menguruskan keluarga; penyesuaian dalam hubungan kekeluargaan serta perubahan dalam kerjaya.

h. Menyalur dan memberikan peluang kepada setiap warga tua (60 tahun ke atas) yang merupakan insan di puncak kitaran hidup mereka dengan kematangan, pengalaman hidup dan berbagai-bagai kemahiran serta sumber-sumber yang dimiliki, untuk terus membuat sumbangan kepada masyarakat, berasaskan tahap tenaga, minat, kemampuan dan motivasi yang mereka miliki.

i. Memberikan pengiktirafan, sokongan dan bantuan kepada setiap warga tua yang memerlukannya dengan pihak keluarga dan kerajaan menentukan mereka tidak tertekan dari segi emosi, kewangan dan kesihatan dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan bantuan sehingga akhir hayat mereka.

j. Menanamkan nilai-nilai patriotisme di kalangan semua lapisan masyarakat.

k. Mengambil langkah untuk memastikan setiap perancangan dan penggubalan program bagi setiap kumpulan dirancang dan digubal bersama dengan anggota kumpulan berkaitan.

Objektif 3: Memperkukuh dan Membangunkan Sistem Sokongan Sosial dan Perkhidmatan Sosial

Segala usaha perlu diambil untuk memperkuat sistem sokongan sosial yang sedia wujud iaitu sistem keluarga, komuniti, kumpulan etnik, agama, pendidikan dan organisasi sosial untuk membantu setiap anggota masyarakat membangun dan berfungsi secara optimum serta berfungsi sebagai sistem kawalan sosial. Selain itu, sistem sokongan yang baru sebagai tambahan perlu diwujudkan bagi tujuan tersebut.

Semua sektor yang terlibat di dalam sistem penyampaian perkhidmatan sosial perlu saling menyokong dan melengkapi untuk menentukan anggota masyarakat yang memerlukannya mendapat pilihan perkhidmatan bermutu.

Strategi

Strategi-strategi bagi mencapai Objektif 3:-

- a. Membangunkan setiap keluarga untuk berfungsi sebagai satu pasukan yang saling menyokong dalam memainkan peranan serta tanggungjawab supaya setiap ahli keluarga berkembang dengan optimum mengikut keunikan dan potensi setiap individu.
- b. Mengiktiraf identiti, kepentingan dan keperluan pelbagai kelompok etnik dalam masyarakat Malaysia untuk mewujudkan sikap toleran dan saling membantu di dalam dan di antara kaum yang berbeza.
- c. Mengiktiraf kelompok keagamaan sebagai kelompok sosial yang mengamalkan sistem nilai dan cara hidup tersendiri selaras dengan Perlembagaan Negara, menghormati sistem nilai dan cara hidup penganut agama lain serta menggalakkan interaksi dan saling memahami antara penganut pelbagai agama.
- d. Memberikan peluang kepada semua anggota masyarakat untuk mencapai kecemerlangan melalui sistem pendidikan yang fleksibel, aksesibel, inovatif, relevan dan dinikmati oleh semua anggota masyarakat sepanjang hayat mereka.
- e. Memastikan sesebuah organisasi atau agensi menyediakan keperluan asas sosial serta memberikan sokongan dan bimbingan kepada kakitangannya sebagai satu tanggungjawab asas.
- f. Menentukan supaya organisasi atau agensi yang memberikan khidmat sosial

mementingkan kakitangan yang dilengkapi dengan kemahiran sosial dan teknologi terkini serta yang berhubung langsung dengan kumpulan sasaran.

g. Menggalakkan setiap organisasi atau agensi, di semua peringkat dan sektor menggubal dan melaksanakan dasar di peringkat organisasi sebagai panduan bagi menentukan perkembangan sosial yang optimum untuk kakitangan dan kumpulan sasarannya.

h. Menggalakkan sesebuah komuniti, sama ada di dalam bandar atau luar bandar supaya bekerjasama dan saling membantu menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan untuk memenuhi keperluan anggotanya dan mendirikan sistem amaran awal untuk mengenal pasti gejala sosial.

i. Menjalankan Penilaian Prestasi Perkhidmatan Sosial atau Audit Sosial bagi membuat pemantauan ke atas organisasi dan agensi perkhidmatan sosial.

j. Mensyaratkan Penilaian Impak Sosial atau *Social Impact Assessment* (SIA) digunapakai dalam perancangan dan pelaksanaan semua program dan aktiviti pembangunan awam dan swasta.

k. Menyediakan Laporan Tahunan Sosial yang mengandungi petunjuk-petunjuk sosial yang lengkap bagi memantau secara objektif dan tepat berkaitan kemajuan pembangunan sosial.

l. Menentukan sesuatu isu sosial dikaji, diselidiki dan dianalisisa dengan terperinci, objektif, rasional dan profesional dari segala sudut serta menyebarkan kefahaman tentang isu sosial itu kepada seluruh masyarakat supaya segala usaha yang diambil untuk menanganinya adalah cekap dan berkesan.

m. Mewujudkan peluang untuk semua anggota masyarakat memperolehi pelbagai kemahiran sosial sama ada secara formal ataupun tidak formal agar anggota masyarakat dapat berinteraksi dengan berkesan.

n. Memperluaskan khidmat bimbingan yang ditawarkan oleh semua sektor kepada semua kumpulan sasaran yang memerlukan khidmat bimbingan serta menentukan perkhidmatan tersebut bermutu dan profesional, serta disokong oleh separa-profesional.

o. Mewujudkan satu pangkalan maklumat mengenai perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh semua sektor yang boleh dicapai oleh setiap anggota masyarakat dengan cepat, mudah dan pada kadar yang dimampuinya.

p. Menyediakan kemudahan bagi semua sektor untuk menjalankan perkhidmatan pendampingan bagi mendekati mana-mana pihak yang memerlukan pertolongan dan bimbingan.

q. Mewujudkan di dalam setiap organisasi satu pasukan intervensi krisis yang terlatih dan berkemahiran yang sentiasa bersedia untuk mengendalikan berbagai jenis krisis sosial dengan berkesan.

r. Membangunkan perkhidmatan pakar di dalam semua bidang berkaitan dengan pembangunan sosial untuk memenuhi keperluan sebenar masyarakat.

s. Menyediakan perkhidmatan bimbingan guaman dengan kadar yang tidak membebankan untuk membantu anggota masyarakat membuat keputusan tentang tindakan terhadap hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat.

- t. Menggalakkan sektor swasta dan sukarela menubuh dan mengendalikan institusi perkhidmatan sosial yang bermutu untuk memenuhi keperluan anggota masyarakat yang memerlukan perkhidmatan sedemikian.
- u. Menggalakkan serta menyokong usaha berdikari dan pemerksaan diri melalui penubuhan kelompok sokongan.
- v. Menggalakkan serta menyokong penyertaan aktif komuniti dalam usaha mewujudkan pelbagai jenis perkhidmatan pemulihan untuk semua kumpulan sasar.

Objektif 4: Menjana Sinergi Multisektor

Kerjasama di kalangan sektor awam serta antara sektor awam dengan sektor swasta dan sukarela perlu dipertingkatkan supaya wujud satu sinergi tenaga dan sumber dalam masyarakat untuk tujuan menjamin perkhidmatan sosial yang terbaik bagi semua anggota masyarakat, berasaskan konsep bahawa pembangunan sosial adalah tanggungjawab bersama. Persaingan dan pertindihan peranan antara pelbagai agensi dan sektor perlu dikurangi dan diatasi agar penggunaan sumber dan tenaga dapat dioptimumkan.

Strategi

Strategi-strategi bagi mencapai Objektif 4:-

- a. Menggalakkan setiap organisasi atau agensi di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan komuniti di sektor awam, swasta dan sukarela untuk melakukan kajian dari semasa ke semasa ke atas struktur dan fungsi masing-masing bagi menentukan kemampuan pencapaian matlamat pembangunan sosial.
- b. Mewujudkan mekanisma Perancangan Sosial yang bertaraf agensi pusat di peringkat persekutuan, negeri dan daerah untuk merancang, melaksana, memantau, menyelaras dan menilai keberkesanan perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan sosial dalam masyarakat.
- c. Meningkatkan dan mengukuhkan peranan dan fungsi bahagian pembangunan sosial di semua peringkat pentadbiran negeri, bahagian/ daerah dan komuniti.
- d. Menggalakkan Pihak Berkuasa Tempatan mewujudkan program dan kemudahan sosial yang terancang dan lengkap supaya selaras dengan pembangunan fizikal dan ekonomi yang pesat.
- e. Meningkatkan taraf dan memperluaskan peranan kepimpinan di peringkat akar umbi dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan sosial.
- f. Memastikan setiap wakil rakyat memainkan peranan dalam pembangunan sosial dan memberikan perkhidmatan berkesan kepada anggota masyarakat tanpa mengira perbezaan ideologi atau parti politik.
- g. Menggalak dan menyokong perkembangan sektor sukarela dengan memberikan sokongan, pengiktirafan dan insentif kepada persatuan perkhidmatan sukarela yang

memberi khidmat kepada masyarakat.

h. Menggalakkan sektor swasta memenuhi tanggungjawab sosial dengan membantu menyediakan program bagi kumpulan sasar dan menangani isu sosial secara teratur selaras dengan prinsip pertanggungjawaban sosial korporat.

i. Menyedarkan pelbagai lapisan masyarakat supaya terlibat secara proaktif, dalam proses globalisasi dengan memanfaatkan pelbagai peluang dan potensi untuk memajukan diri, keluarga dan komuniti.

Penutup

Dasar Sosial Negara merupakan dasar payung yang merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara. Dasar ini memberi halatuju kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial tersebut. Pelaksanaan dasar ini akan menjadi suatu agenda utama Kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mapan menurut acuannya sendiri. Pelaksanaan Dasar Sosial Negara perlu dipantau bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pencapaian pembangunan sosial. Kejayaannya bergantung pada komitmen, sokongan dan kerjasama sektor awam, swasta dan sukarela.

Sumber : [Bahagian Pengembangan dan Pembangunan PINTAS, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat](#)